











PENANGPORT

Together We Maximise Our Potential

Laporan Tahunan 2010 Annual Report

Pejabat - Pejabat Penang Port

Ibu Pejabat

Penang Port Sdn. Bhd.
Company No. 283544-D
No. 1, Pesara King Edward, 10300 Georgetown, Penang.
Tel: 604-210 2211 Faks: 604-263 4792
Web: http://www.penangport.com.my

Operasi

Pangkalan Kontena Butterworth Utara
Wisma Kontena Butterworth Utara,
Tingkat 5, 4952, Jalan Datuk Haji Ahmad Said
12000 Butterworth.
Tel: 604-310 2404 Faks:604-331 4915

Dermaga Butterworth
Bangunan Pentadbiran, Butterworth Wharves
12100 Butterworth.
Tel: 604-310 2204 Faks: 604-332 4414

Pangkalan Kargo Pukal Prai
Lorong Perusahaan 2, 13600 Prai.
Tel: 604-380 2211 Faks: 604-397 0605

Limbungan Bagan Dalam
Jalan Assumption, 12100 Butterworth.
Tel: 604-310 2354 Faks: 604-333 7146

Jeti Swettenham
Pesara King Edward, 10300 Georgetown, Penang.
Tel: 604-210 2350 Faks: 604-264 4792

Tanjong City Marina
8A, Pengkalan Weld, 10300 Penang.
Tel: 604-210 2338 Faks: 604-210 2334

Terminal Feri Pangkalan Raja Tun Uda
Tel: 604-210 2363

Terminal Feri Pangkalan Sultan Abdul Halim
12100 Butterworth.
Tel: 604-310 2377

Penang Port's Offices

Head Office

Penang Port Sdn. Bhd.
Company No. 283544-D
No. 1, Pesara King Edward, 10300 Georgetown, Penang.
Tel: 604-210 2211 Fax: 604-263 4792
Web: http://www.penangport.com.my

Operation

North Butterworth Container Terminal
Wisma Kontena Butterworth Utara,
Tingkat 5, 4952, Jalan Datuk Haji Ahmad Said
12000 Butterworth.
Tel: 604-310 2404 Fax:604-331 4915

Butterworth Wharves
Administration Building, Butterworth Wharves
12100 Butterworth.
Tel: 604-310 2204 Fax: 604-332 4414

Prai Bulk Cargo
Lorong Perusahaan 2, 13600 Prai.
Tel: 604-380 2211 Fax: 604-397 0605

Bagan Dalam Slipway
Jalan Assumption, 12100 Butterworth.
Tel: 604-310 2354 Fax: 604-333 7146

Swettenham Pier
Pesara King Edward, 10300 Georgetown, Penang.
Tel: 604-210 2350 Fax: 604-264 4792

Tanjong City Marina
8A, Pengkalan Weld, 10300 Penang.
Tel: 604-210 2338 Fax: 604-210 2334

Pangkalan Raja Tun Uda Ferry Terminal
Tel: 604-210 2363

Pangkalan Sultan Abdul Halim Ferry Terminal
12100 Butterworth.
Tel: 604-310 2377

WE ARE

Professional

Dynamic

Accountable

Leader

Caring

Trustworthy

Inspiring

Vibrant

Together We Maximise Our Potential



KANDUNGAN
CONTENT

Profil Profile	4 - 5
Lembaga Pengarah Board of Directors	6 - 7
Pengurusan Management	8 - 9
Ucapan Pengerusi Chairman's Foreword	10 - 14
Ulasan Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Managing Director's/CEO Review	15 - 24
Peristiwa-Peristiwa Korporat Corporate Highlights	25 - 31
Penyata Kewangan Financial Statements	32 - 120

PROFIL

Penang Port Sdn. Bhd. telah diperbadankan pada Disember 7, 1993 dan mula beroperasi pada Januari 1, 1994. Ia dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan).

Penang Port dilesenkan untuk mengendali, mengurus dan menyelenggara perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan dan feri. Ini termasuk melaksanakan projek-projek pembangunan.


Sebagai entiti korporat, Penang Port mempunyai komitmen untuk beroperasi sebagai sebuah syarikat komersil yang peka kepada keperluan-keperluan pelanggannya.

VISI

- Menjadi sebuah pelabuhan unggul dan pengatur urus rangkaian logistik di rantau ini.

MISI

- Menyediakan perkhidmatan nilai maksima kepada pelanggan-pelanggan melalui perkhidmatan berkualiti oleh kakitangan yang komited, profesional dan prihatin setiap masa sepanjang masa.
- Memperoleh pulangan pelaburan yang memuaskan dengan lebihan optimum berterusan untuk keperluan pembangunan masa hadapan.
- Berperanan sebagai majikan yang prihatin kepada tenaga kerja yang mahir, bermotivasi dan produktif melalui pembangunan sumber manusia yang cemerlang dan mengamalkan amalan terbaik.
- Berperanan sebagai warganegara korporat yang peka terhadap mesra alam sekitar.



PROFILE



Penang Port Sdn. Bhd. was incorporated on December 7, 1993 and commenced operations on January 1, 1994. It is fully owned by the Ministry of Finance (Incorporated)

Penang Port is licenced to operate, manage and maintain port and ferry services as well as undertake present and future development projects.

As a corporate entity, Penang Port is deeply committed to be commercially responsive and flexible to the needs of port customers.

VISION

- To be the premier port and logistics chain integrator in the region.

MISSION

- To provide maximum value to customers through superior quality services by committed, professional and caring staff every time all the time.
- To achieve a good return on investment with continual optimum surpluses for future development.
- To be a caring employer to a skilled, motivated and productive workforce through excellent human resource development and adopting best practices.
- To be a responsible and environmental friendly corporate citizen.

LEMBAGA PENGARAH



PENGERUSI • Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Hj. Yahaya

PENGARAH URUSAN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF • Dato' Ahmad Ibnihajar

PENGARAH-PENGARAH
- Dato' Fauziah Binti Yaacob
- Lim Yuk Hua
- Dato' Redza Rafiq Bin Abdul Razak

SETIAUSAHA SYARIKAT • Yee Lai Hoong

BOARD OF DIRECTORS



Kiri ke kanan / from left to right
Dato' Redza Rafiq Bin Abdul Razak
Dato' Ahmad Ibnihajar
Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Hj. Yahaya
Dato' Fauziah Binti Yaacob
Lim Yuk Hua
Yee Lai Hoong

CHAIRMAN • Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Hj. Yahaya

MANAGING DIRECTOR/CHIEF EXECUTIVE OFFICER • Dato' Ahmad Ibnihajar

DIRECTORS • Dato' Fauziah Binti Yaacob
• Lim Yuk Hua
• Dato' Redza Rafiq Bin Abdul Razak

COMPANY SECRETARY • Yee Lai Hoong

PENGURUSAN



Kiri ke kanan / from left to right
Tadzaruddin Bin Abdul Manaff
Shahruddin Bin Hj. Zakaria
Ir. Kadrisman Bin Sarajool
Obaid Bin Hj. Mansor
Dato' Ahmad Ibnihajar
Abu Kasim Bin Abu Hasim
Hj. Abdul Halim Bin Abdul Kader
Ghazali Bin Jaafar
Hj. Abd. Rahim Bin Abu Bakar
Mansor Bin Saad

CORPORATE SERVICES UNIT

PENGARAH URUSAN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF • Dato' Ahmad Ibnihajar
KETUA PEGAWAI KEWANGAN • Abu Kasim Bin Abu Hasim
PENGURUS BESAR SUMBER MANUSIA • Tadzaruddin Bin Abdul Manaff
PENGURUS BESAR KORPORAT • Hj. Abd. Rahim Bin Abu Bakar
PENGURUS BESAR PEMASARAN • Ghazali Bin Jaafar

STRATEGIC BUSINESS UNIT

KETUA PEGAWAI OPERASI • Obaid Bin Hj. Mansor
PENGURUS BESAR KONTENA (Pemangku) • Mansor Bin Saad
PENGURUS BESAR KARGO • Hj. Abdul Halim Bin Abdul Kader
PENGURUS BESAR MARIN • Shahruddin Bin Hj. Zakaria
PENGURUS BESAR TEKNIKAL • Ir. Kadrisman Bin Sarajool

MANAGEMENT



CORPORATE SERVICES UNIT

MANAGING DIRECTOR/CHIEF EXECUTIVE OFFICER • Dato' Ahmad Ibnihajar
CHIEF FINANCIAL OFFICER • Abu Kasim Bin Abu Hasim
GENERAL MANAGER HUMAN RESOURCES • Tadzaruddin Bin Abdul Manaff
GENERAL MANAGER CORPORATE • Hj. Abd. Rahim Bin Abu Bakar
GENERAL MANAGER MARKETING • Ghazali Bin Jaafar

STRATEGIC BUSINESS UNIT

CHIEF OPERATING OFFICER • Obaid Bin Hj. Mansor
GENERAL MANAGER CONTAINER (Acting) • Mansor Bin Saad
GENERAL MANAGER CARGO • Hj. Abdul Halim Bin Abdul Kader
GENERAL MANAGER MARINE • Shahruddin Bin Hj. Zakaria
GENERAL MANAGER TECHNICAL • Ir. Kadrisman Bin Sarajool

UCAPAN PENGERUSI



Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya

SATU PENCAPAIAN KE ARAH MENJADI JUARA SERANTAU.

Tahun 2010 telah mencatatkan satu titik perubahan yang bersejarah bagi Pelabuhan Pinang Pinang, di mana kami telah berjaya melepasi kendalian 1 juta TEU kontena. Tahniah kepada semua. Ini merupakan perubahan yang besar, berbanding di awal permulaan kami pada tahun 1973 yang berkeupayaan mengendali hanya 516 TEU kontena.

Pencapaian ini akan menjadi satu detik bersejarah kepada semua yang terlibat di Pelabuhan Pulau Pinang, dan secara kesimpulannya mengingatkan kita bahawa kejayaan akan sentiasa menjadi milik kita, sekiranya kita bekerjasama sebagai satu pasukan atau sebagai sebuah keluarga yang besar. Ini selaras dengan slogan penjenamaan semula yang telah kita lancarkan pada tahun 2010 iaitu "Bersama".

Semangat "Bersama" yang menjadi pendukung kepada proses penjenamaan semula ini tidak hanya fokus kepada aspek luaran / fizikal sahaja, malah kita harus mentransformasikan sikap kita untuk memberikan yang terbaik sekaligus meningkatkan prestasi pelabuhan. Dari aspek operasi pelabuhan, usaha yang berterusan dalam strategi pemasaran yang agresif bukan sahaja membantu mengekalkan pelanggan yang baik, malah kita juga berjaya menarik lebih banyak operator utama syarikat perkapalan yang bakal menjadi rakan niaga yang setia.

A MILESTONE ACHIEVEMENT: AIMING TOWARDS BECOMING THE REGIONAL CHAMPION.

The year 2010 has marked a momentous turning point for Penang Port where we have successfully breached the one million TEUs in container throughput. Congratulations to all. It was a huge leap from our humble beginning in 1973 with only 516 TEUS.

This milestone would become a monument for all at the Penang Port which would always remind us that success will always be within our grasp if we work together as a team and more as a family, in line with our branding tagline launched in 2010, "Togetherness".

This should act as a precursor to our re-branding exercise that will not mirror just cosmetics changes but also to transform our attitude towards giving the best for the optimal performance of the port. In terms of operation, continuous effort in adopting aggressive marketing strategies have not only to retain good customers but also to lure in more main line operators whom will one day become our loyal business partners.

This was also supported by the strategy of utilizing the port as a base for repositioning of empty containers by shipping operator which has proven successful since it was initially implemented in 2009. The marketing effort was also complemented by the in tandem investment in state of the art infrastructure and the latest equipment.

CHAIRMAN'S FOREWORD

Perspektif pemasaran ini juga disokong oleh strategi untuk menjadikan pelabuhan ini sebagai pusat penyusunan semula kontena kosong oleh operator utama syarikat perkapalan yang mana telah dibuktikan berjaya sejak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2009. Usaha aktiviti pemasaran ini juga sejajar dengan pelaburan di dalam infrastruktur dan pembelian peralatan jentera yang terkini.

Namun begitu, semua perkembangan pembangunan ini merupakan langkah permulaan kita untuk mengorak langkah yang lebih jauh untuk menjadi juara serantau di wilayah utara. Sebagai sebuah pelabuhan utama di wilayah utara, Pelabuhan Pulau Pinang menerima banyak permintaan kargo dari kawasan 'hinterland' kerana kedudukan geografinya yang strategik di antara segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand dan salah satu pelabuhan utama kontena yang terletak di perairan Teluk Benggala.

PRESTASI PELABUHAN

Pada tahun 2010, disokong oleh persekitaran ekonomi yang konduksif dan sihat, Pelabuhan Pulau Pinang telah mengendalikan sebanyak 1,106,098 juta TEU berbanding 958,476 TEU pada tahun 2009, di mana kedua-kedua import dan eksport kontena mencatatkan pertumbuhan yang positif. Pelabuhan Pulau Pinang juga mencatatkan peningkatan yang amat menggalakkan bagi pengendalian tanej kargo iaitu sebanyak 28,923,499 juta tan pada tahun 2010. Ini mencatatkan peningkatan sebanyak 19% bagi jumlah kargo yang dikendalikan pada tahun 2009.

PANGKALAN KONTENA BUTTERWORTH UTARA (PKBU)

Bagi sepanjang tahun 2010, Pelabuhan Pulau Pinang telah melabur sebanyak RM1.10 billion untuk projek pembangunan kontena. Setanding dengan pencapaian tersebut, pelan perluasan kawasan untuk Pangkalan Kontena Butterworth Utara (PKBU) fasa 3 telah berjaya disiapkan dan mula beroperasi sepenuhnya pada Disember 2010. Kini PKBU mempunyai dermaga yang berukuran 1500 meter panjang, ini termasuk 600 meter panjang yang telah disiapkan baru-baru ini.

Untuk menyokong kapasiti kapal yang besar, kita juga telah menyiapkan tambahan baru 6,000 slot kawasan penyimpanan kontena yang akan beroperasi pada tahun 2011. Ini akan meningkatkan lagi kapasiti kawasan terminal untuk mengendalikan lebih daripada 2 juta TEU setahun.

Nevertheless, all these developments only marked the acceleration of a journey which still has a long way to go towards being the northern regional champion. As the main port in the northern region, Penang Port holds all the aces with abundance hinterland cargo demands as its strategic geographical location as well as within Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) and one of major container ports in the Bay of Bengal.

PORT PERFORMANCE

For the year 2010, buoyed by conducive and healthier economic environment, Penang Port handled 1,106,098 million throughputs as compared to 958,476 TEUs in 2009 where both import and export boxes has marked an impressive growth in the company's profit. Penang Port, also recorded an encouraging overall increase in cargo tonnage amounting to 28,923,499 million tonnes in the year 2010. This marks a rise of 19% over the cargo volume handled in 2009.

NORTH BUTTERWORTH CONTAINER TERMINAL

Within the year of 2010, Penang Port has invested RM1.10 billion in container development project. On par with the achievement, our expansion plan for the North Butterworth Container Terminal (NBCT) Phase 3 is completed and commenced its full operation in December 2010. Presently, NBCT has a berth measuring 1,500 meter, which includes the recently completed 600 meter berth.

To support the enlarged capacity at shipside, we have also initiated plans in completing our new additional 6,000 ground slots container yard, which will be ready for operation by 2011.This will further boost the terminal yard capacity to handle more than 2 million TEUs per annum.

All of these will be the catalyst for more main line operators to hub at our port which would later cater for their super size vessels. In line with these projects, productivity at the port will be enhanced with a new target of crane productivity at more than 25 moves per hour per crane as opposed to the previous capabilities of 22 moves per hour.

UCAPAN PENGERUSI (sambungan)

Semua pembangunan ini akan menjadi pemangkin kepada operator utama syarikat perkapalan untuk berpusat di pelabuhan kita dan sekaligus mengoptimumkan keupayaan pelabuhan kita untuk mengendalikan kapal kontena bersaiz mega. Selaras dengan projek ini, produktiviti di pelabuhan akan dipertingkatkan dengan sasaran baru produktiviti iaitu lebih daripada 25 gerakan sejam bagi setiap kren berbanding dengan keupayaan sebelum ini iaitu sebanyak 22 gerakan sejam.

TERMINAL PUKAL KUALA PRAI

Pelabuhan Pulau Pinang juga telah memulakan pelan strategik untuk membangunkan sebuah terminal pukal moden di Kuala Prai. Terminal baru ini akan mengendalikan batu kapur, bijih besi dan simen. Jumlah kos untuk membangunkan terminal baru ini dijangka akan menelan kos sebanyak RM150 juta untuk Fasa 1 dan RM 66 juta untuk Fasa 2. Projek ini melibatkan pembinaan talisawat pengangkut terkini yang akan disambungkan kepada laluan rel Keretapi Tanah Melayu Berhad dan tebus guna tanah seluas 4 hektar untuk kawasan simpanan stok. Projek ini dijangka siap pada suku ketiga tahun 2014 dan sekaligus akan meningkatkan kapasiti pelabuhan untuk mengendalikan lima juta tan kendalian kargo.

TERMINAL KAPAL PERSIARAN JETI SWETTENHAM

Pada tahun 2010, Pelabuhan Pulau Pinang amat berbangga kerana menerima persinggahan pertama kapal persiaran 'RMS Queen Mary 2' , salah satu kapal persiaran terbesar di dunia bertempat di Terminal Kapal Persiaran Jeti Swettenham.

Jumlah penumpang untuk pelayaran antarabangsa dan domestik di terminal kapal persiaran Jeti Swettenham telah meningkat hampir kepada 1.2 juta pada tahun 2010 berbanding pada tahun 2009.

Ini dianggap satu pengiktirafan dan penghormatan yang besar kepada terminal kapal persiaran Jeti Swettenham untuk mengukuhkan lagi kedudukannya dalam industri perlayaran di rantau ini. Lokasi yang strategik di dalam bandar Georgetown yang sibuk ini bukan hanya menyediakan kemudahan bertaraf dunia malah menjadi pintu masuk alternatif bagi industri perlancongan di Pulau Pinang. Dengan lebih banyak kapal perlayaran antarabangsa berlabuh di Jeti Swettenham, Pelabuhan Pulau Pinang mensasarkan untuk mencapai kejayaan yang lebih baik dan keuntungan di masa hadapan.

KUALA PRAI BULK TERMINAL

Penang Port has also embarked on a strategic plan to develop a fully dedicated modern bulk terminal at Kuala Prai. This new terminal will be able to handle limestone, iron ore and cement clinkers. The total cost to develop this new terminal is expected to be worth RM150 million for Phase 1 and RM66 million for Phase 2. This project involves construction of high-tech conveyor belt, which will be linked to Keretapi Tanah Melayu Berhad national grid and four (4) hectares of reclaimed land for setting up a stockpile area. Completion of this project is expected by the third quarter of 2014 and it will raise the Port's capacity to handle five million tonnes of cargoes.

SWETTENHAM PIER CRUISE TERMINAL

In 2010, Penang Port is proud to receive the maiden call of RMS Queen Mary 2, one of the world's largest ocean liners at their Swettenham Pier Cruise Terminal.

For the year 2010, the total number of passengers for international and domestic cruise at Swettenham Pier Cruise Terminal has increased tremendously, approximately 1.2 million compared to 2009.

This is considered a huge recognition and honour for our Cruise Terminal to strengthen its footing in the cruising industry in the northern region, especially. Its strategic location within the hustle and bustle of Georgetown city will serve cruisers not only with its world-class facilities, but also as an alternative tourist gateway to the island. With more international cruise berthing at Swettenham Pier, Penang Port aims at achieving higher and better revenue in the near future.

THE UNVEILING OF PENANG PORT'S TRANSFORMATION

Our rebranding programme was launched in 1 April, 2010 and officiated by Deputy Prime Minister of Malaysia, Y.A.B Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Deeper than cosmetic enhancement, the rebranding exercise is set to also improve the port's footing in terms of its facilities and services to clienteles while positioning its entire port operations under a new image.

The entire rebranding process does not only involve the services the port is offering but also the image, deliverance and the work structure of the organization and its employees.

CHAIRMAN'S FOREWORD (continued)

PERLANCARAN TRANSFORMASI PENANG PORT

Program penjenamaan semula kami telah dilancarkan pada 1 April 2010 dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia YAB Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin. Selain daripada penambahbaikan kosmetik / fizikal, program penjenamaan semula ini juga bertujuan untuk memperbaiki kedudukan pelabuhan dari aspek kemudahan dan perkhidmatan kepada pelanggan malah akan menonjolkan kedudukan keseluruhan operasi pelabuhan dengan imej yang baru.

Proses penjenamaan semula ini secara keseluruhannya tidak hanya melibatkan perkhidmatan pelabuhan yang ditawarkan tetapi juga merangkumi imej, penyampaian serta struktur kerja organisasi dan pekerjanya. Perubahan yang dibuat ini membolehkan Pelabuhan Pulau Pinang memainkan peranan yang lebih penting dalam memacu industri logistik di rantau ini, ianya selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab logistik untuk wilayah ekonomi koridor utara.

Bagi warga kerja di Pelabuhan Pulau Pinang, program penjenamaan semula ini diharapkan dapat memberi inspirasi kepada pekerja dan menggalakkan mereka untuk bekerja lebih keras dan menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang relevan kepada industri logistik di rantau ini.

PERANCANGAN 2010

Untuk merealisasikan aspirasi negara, perancangan Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan pembangunan negara dan mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pelaksanaan untuk mencapai matlamat ini dalam masa sepuluh tahun akan datang secara tidak langsung akan memberi faedah kepada Pelabuhan Pulau Pinang.

Pertumbuhan keluaran dalam negara kasar yang melebihi jangkaan pada tahun 2010 telah membuktikan bahawa kita boleh berjaya dengan cemerlang sekiranya kita bekerjasama. Kerja berpasukan dan berdedikasi ini menjadi tunggak utama untuk memacu Pelabuhan Pulau Pinang menjadi pelabuhan utama dan pengatur urus rangkaian logistik di segitiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand dan perairan.

The changes made are in order for Penang Port to participate and play a bigger role in driving the region's logistics industry, in line with the government's aspirations in making Penang the logistics hub for the Northern Corridor Economic Region.

For our employees at Penang Port, the rebranding programme is hope to refresh the staffs' inspiration and encourage them to work harder and perform better plus making Penang Port relevant to the region's logistics industry.

2010 OUTLOOK

In attempt to visualize the nation's aspiration, the new Economic Policy is aimed to boost the development of the country, transforming Malaysia into a high income nation by year 2020. Penang Port will be one of the beneficiaries as the country strives to achieve its goal in ten year time.

Our gross domestic product growth which exceeded expectations in 2010 was a testament that we could prosper well if we work together. Team work and dedication remains as the propellers to drive Penang Port in becoming the premier port and logistics chain integrator in the Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) Bay of Bengal.

In time, we will be the premium choice users in the northern region including Southern Thailand in utilizing Penang Port as a main hub for exporting halal products to the rest of the world. With the on-going effort, we are also confident that Penang Port will attract bigger ships from the Middle East and India for their cargo delivery and loading centre in the future. On the back of strong market sentiments and consumer demand for goods in the hinterland, the Penang Port targets to handle close to 1.2 million TEUS in 2011.This is of course impossible without the continuous support from the existing hinterland and future hinterland market demand such as Medan, Myanmar, Bangladesh and the Indian sub-continent.



UCAPAN PENGERUSI (sambungan)

Pada masa yang sama juga, kita akan menjadi pilihan pengguna premium di wilayah utara termasuk selatan Thailand untuk menggunakan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai hab utama untuk mengeksport produk halal ke seluruh dunia. Dengan usaha yang berterusan, kami juga yakin bahawa Pelabuhan Pulau Pinang akan menarik lebih banyak kapal-kapal bersaiz mega dari Timur Tengah dan India untuk penghantaran kargo dan pusat muatan pada masa hadapan.

Bersandarkan aliran pasaran yang kukuh dan permintaan pelanggan bagi barangan di kawasan 'hinterland', Pelabuhan Pulau Pinang mensasarkan untuk mengendalikan 1.2 juta TEU kendalian kontena pada tahun 2011. Sasaran ini tentu tidak boleh dilakukan tanpa sokongan yang berterusan dari kawasan 'hinterland' yang sedia ada dan juga permintaan dari kawasan 'hinterland' yang berpotensi seperti Medan, Myanmar, Bangladesh dan benua kecil India.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, tahniah dan terima kasih kepada rakan sekerja saya di Penang Port. Kita tidak akan dapat melakukan yang terbaik tanpa sokongan semua pihak. Untuk pelanggan yang kami hormati dan telah bersama kami sepanjang tahun ini, Pelabuhan Pulau Pinang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada anda semua yang memberi sokongan penuh kepada kami sepanjang kami bekerja.

Penghargaan ikhlas juga ditujukan kepada agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk sokongan berterusan mereka dan kerjasama yang diberikan dalam pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang. Kepada rakan -rakan ahli lembaga pengarah, ia merupakan satu pengalaman kerja yang hebat bersama dengan sekumpulan intelektual dan pakar yang telah membantu dalam merintis kejayaan pelabuhan.

Terima kasih

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Hj.Yahaya
Pengerusi

ACKNOWLEDGEMENTS

Firstly, my congratulations and thank you goes to my supporting work force at Penang Port. We will not have done it well without the support of everyone. To our respected customers that have been with us throughout all these years, Penang Port could not thank you all enough for your continuous support throughout the years that we have worked together.

My sincere appreciation also goes to related Government agencies both from the state and federal for their continuous support and cooperation towards the development of Penang Port. To my fellow board members, it has been a pleasure working with a group of intellectuals and experts whom are always with us in steering the port towards greatness.

Thank You

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Hj.Yahaya
Chairman

MANAGING DIRECTOR/ CEO'S REVIEW



Dato' Ahmad Ibnihajar

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2010, Pelabuhan Pulau Pinang mencatatkan perkembangan aliran kewangan yang baik walaupun keadaan ekonomi pada masa itu agak lembap. Banyak kejayaan yang telah kami kecapi sepanjang tahun ini dan kemajuan ini telah dicapai dalam semua aspek perniagaan di pelabuhan. Kejayaan yang cemerlang ini berjaya dicapai apabila ekonomi Malaysia mengatasi jangkaan dan mencatatkan peningkatan sebanyak 7.2% pada tahun 2010 berbanding penurunan sebanyak 1.7% pada tahun 2009, ianya disokong oleh pemulihan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta eksport dan import yang meningkat.

Pada tahun 2010, eksport dan import negara masing-masing meningkat sebanyak 9.8% dan 14.7%. Peningkatan ekonomi ini turut menyokong pendapatan dan keuntungan Pelabuhan Pulau Pinang pada tahun 2010 berbanding pada tahun 2009. Implikasi persekitaran ekonomi yang mantap dari tahun ke tahun ini sekaligus mempengaruhi keuntungan syarikat sebelum cukai pada tahun 2010 iaitu sebanyak RM11,114,962 juta berbanding RM6,356,140 juta pada tahun 2009, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 74.9%. Oleh itu jumlah pendapatan juga meningkat sejajar dengan peningkatan dalam jumlah perniagaan dan pendapatan pada tahun 2010 merekodkan RM41,643,085 juta berbanding RM18,458,395 juta pada tahun 2009.

FINANCIAL PERFORMANCE

For the financial year of 2010, Penang Port has certainly accelerated its pace from the sluggish environment of global economic downturn in the previous year. Many milestones have been achieved during the year under review marking an overall improvement in all aspects of the port businesses. This commendable success was attained as Malaysia's economy outperformed expectations to chalk up a growth of 7.2% in 2010 against a contraction of 1.7% in 2009, buoyed by a rebound in manufacturing and services as well as brisk exports and imports.

In 2010, the country's exports and imports grew by 9.8% and 14.7% respectively. This economic revival has bolstered both revenue and profit of Penang Port in 2010 as compared to 2009. Reflective of the more robust economic condition, year-on-year, and our 2010 profit before taxation was RM11,114,962 million as compared to RM6,356,140 million in 2009, representing an increase of 74.9%. Thus, the total revenue also grew in tandem with the rise in business volume and revenue for the year 2010 was RM41,643,085 million as compared to RM18,458,395 million in 2009.

ULASAN PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (sambungan)

Kejayaan yang telah kami kecapi pada tahun 2010 ini tidak akan melekakan kami malah, kami akan terus berusaha untuk menjadi salah satu pelabuhan pilihan di rantau ini, melalui pelaburan infrastruktur, teknologi dan sumber manusia untuk membolehkan kami selari dengan perkembangan industri maritim yang sentiasa berubah. Seiring dengan aliran perubahan saiz kapal yang semakin membesar dan untuk memastikan Pelabuhan Pulau Pinang mencapai skala ekonomi ini, kami harus menjadikan kedudukan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan pilihan kepada kapal-kapal bersaiz mega dan sekaligus kami juga harus meningkatkan tahap kecekapan kami mengendalikan pelabuhan.

PRESTASI PERLABUHAN

Secara keseluruhannya, Pelabuhan Pulau Pinang telah memecah rekod prestasi pada tahun 2010 kerana kami telah berjaya buat pertama kalinya dalam sejarah mengendalikan 1,000,000 TEU kontena pada awal Disember tahun lalu.

Pada tahun 2010, Pelabuhan Pulau Pinang mengendalikan 1,106,098 TEU kendalian kontena, mencatatkan peningkatan sebanyak 15.4% berbanding kendalian pada tahun 2009 iaitu sebanyak 958,746 TEU.

Pencapaian mengendalikan kendalian kontena yang melebihi 1 juta Teu telah melayakkan Pelabuhan Pulau Pinang untuk menyertai barisan elit pelabuhan di seluruh dunia yang beroperasi melebihi 1 juta TEU.

Pencapaian ini adalah tepat pada masanya dengan program penjenamaan semula kami pada tahun 2010 yang tidak hanya melibatkan perubahan kosmetik seperti pakaian seragam dan logo, tetapi ia juga menandakan satu titik perubahan di mana kami telah mengambil pendekatan baru untuk mengkaji semula kedudukan kami di mata dunia dan memperbaharui hala tuju perniagaan kami. Kami percaya bahawa pencapaian kami pada hari ini akan mengorak langkah lebih jauh bagi Pelabuhan Pulau Pinang untuk maju ke hadapan dan menjadi salah satu pelabuhan pilihan bagi kawasan pedalaman.

Ini merupakan satu perkembangan yang positif bagi perniagaan teras kami dan ianya telah membuka satu lembaran baru untuk Pelabuhan Pulau Pinang menyertai barisan pelabuhan yang mengendalikan kendalian satu juta TEU. Kami percaya dengan tenaga kerja yang mahir dan kemudahan pelabuhan yang moden akan membantu Pelabuhan Pulau Pinang mengendalikan kapal bersaiz mega yang secara tidak langsung akan menarik lebih banyak syarikat perkapalan untuk singgah di Pelabuhan Pulau Pinang pada masa hadapan. Tambahan pula, seiring dengan pelan pembangunan semasa ini kami akan memastikan kejayaan dan komited dengan memberikan perkhidmatan bertaraf dunia kepada pelanggan kami.

Not resting on our laurels by the glitz of improved performance in 2010, we would continue to strive to be the preferred port in this part of the region through a series of infrastructure, technology and human resources investment to keep abreast with the ever-changing maritime industry. Furthermore ships are getting bigger to achieve that economy of scale and Penang Port is positioning itself towards being the preferred port of call to these giants of the ocean by improving on our efficiency.

PORT PERFORMANCE

Overall, Penang Port has made a record-breaking performance in 2010 as it has managed for the first time in its history, to handle 1,000,000 TEUs in container throughput in early December.

In 2010, Penang Port handled 1,106,098 TEUs, up 15.4% from its 2009 throughput of 958,746 TEUs. The achievement of handling above 1 million TEUs has enabled Penang Port to join the elite ranks of ports throughout the world that operate in the above 1 million TEUs league.

This achievement was timely with our rebranding exercise in 2010 which did not only involved cosmetics changes like our uniform and logo, but it also marked a turning point where we have adopted new approaches in reviewing our position in the eyes of the world and reformulate our business directions. We believe that our achievement today has set the pace for Penang Port to move forward and to be the preferred port for our hinterland.

This is indeed a positive growth for our core business and has opened up a new chapter for Penang Port which has joined the ranks of the million TEU league. We believe, with our skilful workforce and state-of-the-art port facilities, Penang Port can handle the growing size of container vessels, which are likely to make more main line calls at Penang Port next year onwards. Furthermore, with the current expansion plan, we will endeavour to excel and grow by delivering world class services to our customers.



MANAGING DIRECTOR/ CEO'S REVIEW (continued)

PERKHIDMATAN KONTENA

Pada tahun lepas, selain melepasi sasaran satu juta TEU kami juga telah berjaya menyiapkan projek pembangunan Fasa 3 untuk terminal kontena di Pangkalan Kontena Butterworth Utara yang telah beroperasi dengan sepenuhnya pada Disember tahun 2010.

Untuk terus maju dan kekal berdaya saing, Pelabuhan Pulau Pinang telah melaksanakan pelan pembangunan yang bermodelkan keupayaan menyediakan bekalan. Sejumlah RM1.2 bilion telah dibelanjakan untuk meningkatkan infrastruktur sedia dan juga superstruktur yang terdapat di Pangkalan Kontena Butterworth Utara.

CONTAINER SERVICES

Besides surpassing our 'One Million TEUs' benchmark, we have also completed our Phase 3 expansion plan for our container terminal, the North Butterworth Container Terminal (NBCT) last year where the full-swing operation has commenced in December 2010.

In order to further grow and remain competitive, Penang Port has in recent years embarked on a supply driven capacity expansion plan. A total of RM1.2 billion has been spent in enhancing the present infrastructure and superstructures that are available at North Butterworth Container Terminal.

Kendalian kontena / containerized traffic
(dalam '000,000 teu / in '000,000 teu)




ULASAN PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (sambungan)

Dermaga yang sebelum ini berukuran 900 meter panjang telah dipanjangkan ke 600 meter, menjadikan dermaga ini berukuran 1.5km dan telah beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 2010 iaitu enam bulan lebih awal daripada yang dijadualkan. Penambahan sebanyak 6000 'ground slot 'juga telah ditambah untuk meluaskan kawasan penyimpanan kontena yang sedia ada. Begitu juga dengan 600 'reefer points' yang telah ditambah, menjadikan 'reefer pints' kini berjumlah 1,000 dan beroperasi di Pangkalan Kontena Butterworth Utara.

The previous berth of 900m has been lengthened by another 600m to 1.5km and has been fully operational since mid 2010, six months ahead of schedule. An extra 6000 ground slots have also been added to double the present container yard storage area. 600 reefer points have been added to bring to a total of 1,000 the number of reefer points is currently available at North Buttterworth Container Terminal.

Kendalian kargo kontena / containerized cargo traffic
(dalam juta tan / in million freight tonnes)




MANAGING DIRECTOR/ CEO'S REVIEW (continued)

Tujuh (7) unit gantri kren 'Post Panamax' (menjadikan jumlah gantri kren di Pangkalan Kontena Butterworth Utara kepada 16 unit) dengan keupayaan mengangkat 18 baris kontena di atas kapal yang berlabuh telah mula beroperasi sejak pertengahan tahun 2010. Kren ini membolehkan Pelabuhan Pulau Pinang meningkatkan kadar pengendalian kontena dari 18 gerakkan sejam bagi setiap kren kepada 25 gerakkan sejam dan seterusnya sejam bagi setiap kren secara purata. Sebanyak lapan (8) unit "Rail Mounted Gantry Cranes"(RMG) sedang dalam proses pembelian untuk meningkatkan dan mempercepatkan operasi yad. Pembelian RMG ini dijangka akan diterima pada penghujung tahun 2011.

Seven (7) units of Post Panamax cranes (bringing the total number of Quay Gantry Cranes at North Butterworth Container Terminal to 16 units) with tandem lift capabilities that can perform across 18 rows of containers on board vessels have been operational since mid 2010. These cranes have enabled Penang Port to improve its handling rates from 18 moves per hour per crane to 25 moves and beyond per hour per crane currently on average. A total of eight (8) units of Rail Mounted Gantry Cranes (RMG) are currently being commissioned to further enhance and expedite yard side operations. These RMGs are expected to be commissioned by the end of 2011.

Jenis kargo yang dikendalikan oleh Penang Port / Type of cargo handled by Penang Port
(dalam juta tan / in million freight tonnes)



ULASAN PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (sambungan)


Kapasiti pembinaan di Pelabuhan Pulau Pinang selaras dengan wawasan yang ditetapkan oleh Pelabuhan Pulau Pinang untuk menjadi pelabuhan utama dan rangkaian logistik bersepadu di rantau segitiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand serta perairan Teluk Bengala. Apabila pengerukan kapital telah siap pada kos RM351 juta dengan bantuan pembiayaan kerajaan dalam tempoh 12 hingga 18 bulan akan datang, Pelabuhan Pulau Pinang berkeupayaan mengendalikan kapal dengan kedalaman 14.5 meter.

Implikasi ini memberi impak positif kepada Pelabuhan Pulau Pinang yang bakal mempunyai perairan dalam dan ianya akan memantapkan dan membangunkan jaringan perdagangan ke kawasan barat serta mengeratkan jaringan perdagangan ke kawasan timur yang sedia ada. Perkembangan ini secara tidak langsung akan memberi impak positif kepada perancangan strategik Pelabuhan Pulau Pinang untuk membangunkan perdagangan 'transhipment' melalui pasaran Intra Asia yang akan menjadi sasaran utama untuk tempoh lima tahun akan datang.

The capacity building at Penang Port is in tandem with Penang Port's stated vision of becoming the premier port and logistics chain integrator in the IMT-GT region as well as the Bay of Bengal. Once the capital dredging is completed at a cost of RM351 million with government funding within the next 12 to 18 months, Penang Port will be able to cater for vessels with draughts of up to 14.5m.

This augurs well for Penang Port as deeper waters will provide the fulcrum for Penang Port to establish and develop new west-bound connectivity as well as strengthening its current east-bound connectivity. These developments will directly have a positive impact to Penang Port's strategic planning of developing its transhipment trade with the lucrative Intra-Asian market being the prime target within the next five years.

Perangkaan Feri / Ferry statistic
(dalam juta unit / in million units)



MANAGING DIRECTOR/ CEO'S REVIEW (continued)

PRESTASI KARGO BUKAN KONTENA

Dari segi muatan kargo, kita telah mencatatkan prestasi yang agak baik. Jumlah keluar masuk kargo pada tahun 2010 sebanyak 28,923,499 juta tan metrik berbanding 24,278,244 juta tan metrik pada tahun 2009, ini menunjukkan peningkatan sebanyak 19%.

Import mencatatkan 15,938,287 juta tan kekal sebagai sumbangan terbesar dalam kendalian pelabuhan. Komoditi utama import pada tahun 2010 termasuklah produk petroleum, gula mentah, jagung dan juga produk pengeluaran.

Eksport/ 'transhipment' berjaya mencapai 12,985,212 tan. Pada tahun 2010, komoditi utama eksport terdiri daripada peralatan getah, perkakasan elektrik/komponen mesin dan bahan-bahan plastik.

KARGO KONTENA

Kargo kontena telah menjadi tulang belakang bagi Pelabuhan Pulau Pinang untuk beberapa tahun ini. Pada tahun 2010, import kargo kontena berjumlah 7,940,342 tan manakala jumlah eksport/ 'transhipment' adalah sebanyak 10,733,164 tan. Komoditi utama import termasuklah produk siap, produk kertas dan bahan-bahan plastik manakala komodi eksport didominasi oleh getah, barangan siap dan peralatan elektrik serta komponen mesin.

KARGO PUKAL CECAIR

Pada tahun 2010, Pelabuhan Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pengendalian kargo pukal cecair sebanyak 4,563,636 tan. Dengan jumlah muatan ini, kargo pukal cecair terus mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang kedua terbesar kepada keseluruhan kendalian yang dikendalikan oleh Pelabuhan Pulau Pinang.Kargo pukal cecair mencatatkan import berjumlah 3,917,273 tan manakala jumlah eksport pula adalah sebanyak 1,268,497 tan. Komoditi utama import dan eksport yang dikendalikan terdiri daripada produk petroleum dan juga minyak kelapa sawit bertapis.

KARGO PUKAL KERING

Pelabuhan Pulau Pinang telah mengendalikan sebanyak 3,743,738 tan kargo pukal kering pada tahun 2010 dengan jumlah import sebanyak 3,406,610 tan, dan eksport sebanyak 337,128 tan. Seperti tahun-tahun sebelumnya, komoditi utama import dan eksport terdiri daripada gula mentah, besi skrap dan jagung.

NON-CONTAINERISED CARGO PERFORMANCE

In terms of cargo tonnage, we had also recorded a relatively good performance. The total cargo throughput in 2010 was 28,923,499 million tonnes as compared to 24,278,244 million tonnes in 2009, representing an increase of 19%.

Imports, at 15,938,287 tonnes remain as a larger contribution to port throughput. Major import commodities for 2010 included petroleum product, scrap metal, raw sugar, maize and manufactured products.

Export/transhipments made up the remaining 12,985,212 tonnes. For 2010, main export commodities consisted of rubber, electrical apparatus/machine components and plastic materials.

CONTAINERISED CARGO

Containerised cargo has been Penang Port's mainstay for several years. For 2010, containerised cargo imports amounted to 7,940,342 tonnes while exports/ transhipments were 10,733,164. Major import commodities included manufactured products, paper products and plastic materials while exports were dominated by rubber, manufactured products and electrical apparatus/machinery components.

LIQUID BULK CARGO

In 2010, Penang Port recorded a total throughput of 4,563,636 tonnes in liquid bulk cargo handling. With this tonnage, liquid bulk cargo continued to sustain its position as the second largest contributor to overall throughput handled in Penang Port.


Imports made up 3,917,273 tonnes of liquid bulk cargo volume while export 1,268,497 tonnes. Of this, imports of petroleum products and exports of refined palm oil were the main commodities handled.

DRY BULK CARGO

Penang Port handled 3,743,738 tonnes of dry bulk cargo in 2010 with imports totalling 3,406,610 tonnes and export 337,128 tonnes. As in previous years major commodities were raw sugar, scrap metal and maize.

ULASAN PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (sambungan)

Perangkaan Kapal / Number Of Vessels Calling At the Port



MANAGING DIRECTOR/ CEO'S REVIEW (continued)

KARGO PUKAL AM

Jumlah pengendalian kargo pukal am pada tahun 2010 adalah sebanyak 1,942,619 tan berbanding pada tahun 2009 iaitu 1,540,679 tan. Dengan jumlah ini, eksport/ 'transhipment' memainkan peranan yang lebih besar dengan 1,268,557 tan manakala import kira-kira 674,062 tan. Sebahagian besar eksport utama terdiri daripada gelung/bar/kepingan besi dan keluli. Manakala import pula terdiri daripada papan lapis dan juga beras.

PERSINGGAHAN KAPAL

Sementara itu, jumlah persinggahan kapal di Pelabuhan Pulau Pinang meningkat sebanyak 10.3% kepada 6,134 singgahan berbanding pada tahun 2009 iaitu sebanyak 5,559 singgahan. Bagi tahun 2010, jumlah penumpang bagi pelayaran antarabangsa dan juga domestik di terminal kapal persiaran Jeti Swetternham meningkat secara mendadak iaitu hampir kepada 1.2 juta penumpang berbanding pada tahun 2009.

PERKHIDMATAN FERI

Pada tahun 2010, sebanyak lapan buah feri beroperasi membawa penumpang pejalan kaki berjumlah 1,833,752 orang, 1,601,288 motorsikal, 1,034,568 kereta, 72,725 lori dan 14,755 basikal. Jumlah ini menunjukkan penurunan dalam semua kategori berbanding tahun 2009. Jumlah penumpang pejalan kaki menurun sebanyak 19%, motorsikal sebanyak 13.7%, kereta 17%, 18% bagi lori dan basikal 3.5%. walaupun terdapat banyak kontroversi mengenai perkhidmatan feri, pihak kami akan terus berkhidmat untuk menyediakan kemudahan kepada orang awam dan ianya menjadi satu tanggungjawab sosial korporat kami kepada penduduk Pulau Pinang.

PROSPEK MASA HADAPAN

Dengan jumlah sasaran dan pembangunan infrastruktur yang sedia ada, Pelabuhan Pulau Pinang bersedia untuk membuka lembaran baru dan lebih maju pada masa hadapan. Kewujudan kami di sini adalah untuk memperluaskan dan menyokong kelangsungan pelabuhan supaya menjadi pelabuhan unggul dan pengatur urus rangkaian logistik yang utama di wilayah ekonomi Indonesia Malaysia dan Thailand serta perairan Teluk Benggala.

Ini adalah selaras dengan Model Ekonomi Baru dan Program Transformasi Ekonomi yang memerlukan infrastruktur yang baik untuk menyokong pertumbuhan negara.

BREAKBULK CARGO

Break bulk cargo handling for 2010 amounted to 1,942,619 tonnes compared to 1,540,679 in 2009. Of this figure, export/transhipments played a larger role with 1,268,557 tonnes while imports accounted for 674,062 tonnes.

Break bulk exports primarily comprised iron steel coils/bar/plate and iron and steel billets. Imports were largely in the form of plywood and rice

SHIP ARRIVALS

Meanwhile for vessel calls, Penang Port recorded an increased of 10.3% to 6,134 calls as compared to 5,559 calls in 2009. For the year 2010, the total number of passengers for international and domestic cruise at Swettenham Pier Cruise Terminal has increased tremendously to close to 1.2 million compared with 2009.

FERRY SERVICES

In the year 2010, the company's eight ferries carried a total of 1,833,752 pedestrian passengers, 1,601,288 motorcycles, 1,034,568 cars, 72,725 lorries and 14,755 bicycles. Compared with 2009, this marked a decrease in all categories.

The number of pedestrian passenger dropped by 19%, motorcycle by 13.7%, cars by 17%, lorries by 18% and bicycle by 3.5%. Although there was much controversy over our ferry services, we will continue to serve the public as part of our corporate social responsibility.

OUTLOOK BEYOND THE HORIZON

With the targeted volume and infrastructure development in place, Penang Port is ready to open up a new chapter in moving forward.

Our presence in the local shores will be extended to support the port direction to be a premier port and logistic chain integrator in IMT-GT Economic Region as well as for Bay of Bengal.

This is in line with New Economic Model (NEM) and Economic Transformation Programme (ETP) that will need a good infrastructure supporting the robust growth of the country.

ULASAN PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (sambungan)

Program Transformasi Ekonomi telah mensasarkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5% sehingga 6% setahun bagi tempoh 10 tahun akan datang bermula dari tahun 2011 untuk mencapai peningkatan dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) melebihi RM 1 trillion. Oleh itu, melalui pandangan yang positif terhadap perniagaan pelabuhan yang amat bergantung kepada industri perdagangan, Pelabuhan Pulau Pinang akan terus melabur dan melaksanakan pelan pembangunannya seperti yang dirancang. Selain itu, pelabuhan juga bersedia untuk menaik taraf dan memperbaiki semula perkhidmatannya supaya setanding dengan pelabuhan antarabangsa yang lain.

PENGHARGAAN

Mewakili syarikat ini, saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih dengan penuh ikhlas kepada semua para pelanggan yang telah menjadi sebahagian daripada kami dan sentiasa bersama ketika susah dan senang kami.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, rakan perniagaan, dan Persatuan Perdagangan yang telah menyokong ke arah penambahbaikan perkhidmatan kami.

Tidak terkecuali, ingin saya sampaikan kepada seluruh warga Pelabuhan Pulau Pinang, dedikasi dan semangat kerja berpasukan anda adalah contoh dan teladan yang terbaik kepada mana-mana operasi pelabuhan bertaraf dunia. Sumbangan anda kepada syarikat akan diberi ganjaran yang sewajarnya. Saya berharap dapat melihat anda semua lagi pada tahun depan dengan lebih banyak kejayaan dan pencapaian yang boleh diraikan dan pelan perniagaan yang perlu dilaksanakan.

Dato' Ahmad Ibnihajar
Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif

ETP has established targets of growing Malaysia's economy by an annual 5% to 6% over the next 10 years from 2011 to raise its gross national income (GNI) above the RM1 trillion marks.

Thus, in view of this positive outlook to the port business that very much dependent on trade, Penang Port will continue to invest and undertake its expansion plan at the present location.

The port will also strive to upgrade and reinvent its provision of services to be at par with other international port.

ACKNOWLEDGEMENT

Representing the company, to our customers that have been a part of our growth over the years, through good and bad times, there is no word to describe my sincere thanks to each and every one of you.

My utmost appreciation also goes to the state Government, related Government agencies, business partners and trade associations whom have been supportive towards the betterment of our services.

Last but not least, I would like to convey my gratitude and thanks to my family here at Penang Port. Your dedication and team work are exemplary of any world-class port operation.

Your contribution to the company will be rewarded accordingly. I hope to see you all again next year with many more achievements to celebrate and more business plan to execute.

Dato' Ahmad Ibnihajar
Managing Director / Chief Executive Officer

CORPORATE HIGHLIGHTS

19 JANUARI 2010
Menteri Perkapalan dari Bangladesh, Yang Berhormat En. Shahjahan Khan telah mengadakan lawatan rasmi ke Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier.

19 JANUARY 2010
Minister of Shipping from Bangladesh, His Excellency Mr. Shahjahan Khan made an official visit at Swettenham Pier Cruise Terminal.

---


4 FEBUARI 2010
RMS Queen Mary 2 (QM2) berlabuh buat pertama kali di Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier.

4 FEBRUARY 2010
RMS, Queen Mary 2 vessel (QM2) made her maiden call at Swettenham Pier Cruise Terminal.

---

31 MAC 2010
Penang Port telah megadakan jamuan 'cocktail' dengan para pengguna pelabuhan di Hotel Eastern & Oriental, Pulau Pinang.

31 MARCH 2010
Penang Port organized cocktail reception for it's customers at Eastern & Oriental Hotel, Penang.


19 / 1 / 2010


4 / 2 / 2010



31 / 3 / 2010


1 / 4 / 2010

1 APRIL 2010
Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin merasmikan majlis penjenamaan semula Penang Port di Hotel Equatorial, Pulau Pinang.

1 APRIL 2010
Deputy Prime Minister, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin officiated the unveiling of Penang Port's rebranding at Equatorial Hotel, Penang.

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT (sambungan)

5 APRIL 2010

Rombongan lawatan sambil belajar oleh Malaysian Institute of Transport (MITRANS), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara.

5 APRIL 2010

Academic visit by Malaysian Institute of Transport (MITRANS), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam to the North Butterworth Container Terminal.

6 APRIL 2010

Lawatan akademik ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh pelajar dari Universiti Teknologi Mara, Kuching, Sarawak.

6 APRIL 2010

Academic visit to North Butterworth Container Terminal by students from Universiti Teknologi Mara, Kuching, Sarawak.

7 APRIL 2010

Lawatan akademik ke Pangkalan Butterworth Kontena Utara oleh para pelajar dari Bahagian Latihan Teknologi Tinggi Kulim, Kedah.

7 APRIL 2010

Academic visit to the North Butterworth Container Terminal by students from Kulim High Technology Training Department.

15 APRIL 2010

Lawatan akademik ke Pangkalan Butterworth Kontena Utara oleh para pelajar dari KDU Kolej, Pulau Pinang.

15 APRIL 2010

Academic visit to North Butterworth Container Terminal by students from KDU College, Penang.

16 APRIL 2010

Lawatan teknikal ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh para pelajar Fakulti Kejuruteraan Sivil, Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang

16 APRIL 2010

Technical visit by students from Civil Engineering Department, Sultan Ahmad Shah Polytechnic, Kuantan, Pahang to North Butterworth Container Terminal.

19 APRIL 2010

Lawatan akademik ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh para pelajar dari Politeknik Shah Alam, Selangor.

19 APRIL 2010

Academic visit by students from Polytechnic Shah Alam, Selangor to North Butterworth Container Terminal.

---

17 MEI 2010

Lawatan akademik ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh ahli-ahli Kelab Keusahawanan Muda dari Sekolah Raja Puan Muda Tengku Fauziah, Perlis.

17 MAY 2010

Academic visit to North Butterworth Container Terminal by members from Young Entrepreneur Club, Sekolah Raja Puan Muda Tengku Fauziah, Perlis.

CORPORATE HIGHLIGHTS (continued)

2 JUN 2010
Kapal replika bersejarah 'The Jewel of Muscat, a replica of a 9th - century Omani' berlabuh buat kali pertama di Tanjong City Marina, Pulau Pinang.

2 JUNE 2010
The "Jewel of Muscat, a replica of a 9th - century Omani ship" made her maiden call at Tanjong City Marina, Penang.

5 JUN 2010
Wakil dari Pelabuhan Langkawi telah mengunjungi Penang Port bagi mendalami kaedah pengurusan dan operasi pelabuhan di Penang Port.


5 JUNE 2010
Delegation from Langkawi Port visited to Penang Port for an insight on Penang Port management and operations system.

5 JUN 2010
Persatuan Sejarah Pulau Pinang telah mengunjungi Penang Port dengan tujuan mengkaji perihal sejarah Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier.

5 JUNE 2010
Penang History Association visited Penang Port to study the background and gain the histories that adheres at Swettenham Pier Cruise Terminal.


2 / 6 / 2010


5 / 6 / 2010


5 / 6 / 2010

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT (sambungan)

7 JUN 2010

Lawatan akademik ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Muda, Penaga Pulau Pinang.

7 JUNE 2010

Academic visit to North Butterworth Container Terminal by students from Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Muda, Penaga Pulau Pinang.

25 JUN 2010

Pengerusi Penang Port, YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Hj. Yahaya telah merasmikan majlis Occupational Health and Safety Advisory Services (OHSAS) 18001:2007 dan ISO MS 1722:2005 SIRIM di Pangkalan Kontena Butterworth Utara.

25 JUNE 2010

Penang Port's Chairman, YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Hj. Yahaya launched the Occupational Health and Safety Advisory Services (OHSAS) 18001:2007 and the ISO MS 1722:2005 SIRIM at North Butterworth Container Terminal.



25 / 6 / 2010



30 / 7 / 2010

8 JULAI 2010

Para pegawai dari Kementerian Kerja Raya, Malaysia telah mengadakan lawatan rasmi ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara bagi mendalami kaedah pengurusan dan operasi di Penang Port.

8 JULY 2010

Delegation from the Malaysia Ministry of Works (JKR) made an official visit to the North Butterworth Container Terminal for an insight on Penang Port management and operations system.

30 JULAI 2010

Majlis penyempurnaan arah tunjuk kiblat Surau Terapung Penang Port telah dirasmikan oleh Datuk Hassan Ahmad, Mufti Pulau Pinang di Pangkalan Kontena Butterworth Utara.

30 JULY 2010

Kiblat direction event was held at the North Butterworth Container Terminal and launched by Mufti Pulau Pinang, Datuk Hassan Ahmad.

---

13 OGOS 2010

Lawatan akademik ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh para pelajar dari Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

13 AUGUST 2010

Academic visit at North Butterworth Container Terminal by students from Polytechnic Seberang Perai, Penang.

CORPORATE HIGHLIGHTS (continued)

23 OGOS 2010
Para pegawai dari Persekutuan Logistik Thailand (TLF) telah mengadakan lawatan rasmi ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara.

23 AUGUST 2010
Thailand Logistic Federation (TLF) officers made an official visit to North Butterworth Container Terminal.

23 OGOS 2010
Lawatan akademik ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh para pelajar dari Fakulti Teknologi Marin, Universiti Teknologi Mara, Perlis.

23 AUGUST 2010
Academic visit to the North Butterworth Container Terminal by the students from Faculty of Marine Technology, Universiti Teknologi Mara Perlis.

25 OGOS 2010
YB. Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pengangkutan 1 telah mengadakan lawatan rasmi ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara bagi mendalami kaedah pengurusan dan operasi pelabuhan di Penang Port.

25 AUGUST 2010
Deputy Minister of Transport 1, YB. Datuk Abdul Rahim Bakri made an official visit to North Butterworth Container Terminal for an insight on Penang Port management and operations system.


25 / 8 / 2010


24 / 9 / 2010

24 SEPTEMBER 2010
Lawatan akademik ke Pangkalan Kontena Butterworth Utara oleh para pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Segamat, Johor Darul Takzim.

24 SEPTEMBER 2010
Academic visit to the North Butterworth Container Terminal by students from Universiti Teknologi Mara (UiTM) Segamat, Johor Darul Takzim.

24 SEPTEMBER 2010
Lawatan kerja rasmi oleh Duta Republik Iran ke Malaysia bagi mendalami lagi pengetahuan berkaitan operasi pelabuhan di Penang Port.

24 SEPTEMBER 2010
Official visit by the Ambassador, Republic of Iran to Penang Port for an insight on port operations.

PERISTIWA-PERISTIWA KORPORAT (sambungan)

25 SEPTEMBER 2010
Penang Port menganjurkan rumah terbuka bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun 2010 bagi meraikan para kakitangan dan pelanggan pelabuhan bertempat di Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier.

25 SEPTEMBER 2010
Penang Port hosted its open house in conjunction with the Hari Raya Aidilfitri celebrations for employees and corporate customers together with their respective families at Swettenham Pier Cruise Terminal.


25 / 9 / 2010


7 / 10 / 2010

7 OKTOBER 2010
Lawatan rasmi oleh para ahli dari Malaysian Manufacturers (FMM), Kawasan Utara ke Pengkalan Butterworth Kontena Utara.

7 OCTOBER 2010
An official visit by the members of Federation Malaysian Manufacturers (FMM), Northern Region to the North Butterworth Container Terminal.

7 OKTOBER 2010
Penang Port menyertai Pameran Dagangan Industri Logistik Antarabangsa pada 7 - 11 Oktober 2010 bertempat di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa, Bangkok, Thailand. Ketua Unit Pemasaran Kontena sedang menyerahkan cenderamata sebagai penghargaan kepada Timbalan Menteri Perdagangan Thailand yang sudi melawat tapak pameran Penang Port.

7 OCTOBER 2010
Penang Port participated in the 7th Thailand International Logistics Fair 2010 on 7 - 11 October 2010 at Bangkok International Trade and Exhibition Centre. Head Marketing Container presented a token of appreciation to the Deputy Minister of Commerce, Thailand at Penang Port's booth.

CORPORATE HIGHLIGHTS (continued)

2 DISEMBER 2010
YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya, Pengerusi Penang Port telah merasmikan majlis pencapaian '1 juta TEUs' kendalian kontena oleh Penang Port di Pangkalan Kontena Butterworth Utara.


2 DECEMBER 2010
Penang Port Chairman's YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya officiated the achievement of 1 million TEUs of container handling by Port at North Butterworth Container Terminal.



2 / 12 / 2010



2 / 12 / 2010



PENYATA KEWANGAN

Laporan dan Penyata Kewangan
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Laporan Para Pengarah	33 - 35
Laporan Juruaudit Bertauliah	36 - 37
Penyata Pendapatan Komprehensif	38
Lembaran Imbangan	39
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	40
Penyata Aliran Tunai	41
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	42 - 75
Penyata Para Pengarah	76
Akuan Berkanun	76

Laporan Para Pengarah

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

Para Pengarah dengan ini mengemukakan laporan mereka kepada ahli-ahli berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat di sepanjang tahun kewangan adalah mengendali, mengurus, menyelenggara dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan serta perkhidmatan lain yang berkaitan atas lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Syarikat juga mengendali, memaju, mengurus dan mentadbir Zon Bebas Perdagangan di bawah Akta Zon Bebas, 1990 dan menjalankan aktiviti perkhidmatan gudang. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut	28,578,615

DIVIDEN

Dividen dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak tahun kewangan yang lalu adalah seperti berikut:

	RM
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Para Pengarah bagi tahun kewangan tersebut, dividen akhir sebanyak 10 sen sesaham untuk 73,450,002 saham biasa, ditolak cukai pendapatan 25%, telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang diadakan pada 29 Jun 2010 dan dibayar pada 5 Julai 2010.	5,508,750

Para Pengarah mengesyorkan pembayaran dividen akhir sebanyak 10 sen sesaham untuk 73,450,002 saham biasa, ditolak cukai pendapatan 25%, berjumlah RM5,508,750 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010. Cadangan dividen tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pemindahan yang ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah Syarikat yang memegang jawatan sepanjang tempoh sejak tarikh laporan yang terakhir adalah seperti berikut:

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Hj. Yahaya
Dato' Ahmad Ibnihajar
Dato' Fauziah binti Yaacob
Miss Lim Yuk Hua
Dato' Redza Rafiq bin Abdul Razak

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut Daftar Pegangan Saham Para Pengarah, tidak ada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan ini memegang sebarang kepentingan dalam saham-saham Syarikat di sepanjang tahun kewangan ini.

Laporan Para Pengarah (sambungan)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, tidak wujud sebarang perjanjian yang mana Syarikat menjadi pihak, di mana para Pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham dalam, atau debentur, Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada ganjaran para pengarah yang dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh sesuatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya:

(a) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi rosotnilai penghutang dagangan dan telah berpuashati bahawa kesemua hutang lapuk yang dikenalpasti telah dihapuskira dan peruntukan yang telah dibuat untuk penghutang dagangan yang terosot adalah mencukupi; dan

(b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin dapat direalisasikan dalam urusniaga biasa, nilainya yang direkodkan dalam akaun Syarikat telah dikurangkan kepada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan:

(a yang boleh menyebabkan jumlah penghapuskiraan untuk hutang lapuk atau jumlah peruntukan untuk rosotnilai penghutang dagangan Syarikat jauh tidak mencukupi atau nilai aset semasa Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; atau

(b) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau

(c) yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(a) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini untuk menjamin tanggungan pihak lain; atau

(b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan yang tidak dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Laporan Para Pengarah (sambungan)

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pada pandangan para Pengarah:

(a) keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan semasa, tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang butiran, urusniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa selain daripada kesan dari semakan semula dalam hayat berguna hartanah, mesin dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 15 kepada penyata kewangan; dan

(b) tidak timbul sebarang butiran, urusniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa antara tarikh akhir tahun kewangan semasa dan tarikh laporan ini yang akan mempengaruhi secara ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.


BADAN KORPORAT PEGANGAN INDUK

Para Pengarah menganggap Menteri Kewangan (Diperbadankan), diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Perbadanan), 1957, sebagai badan korporat pegangan induk.


JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan mereka.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 13 Mei 2011.



DATO' SERI DR. HILMI BIN HJ. YAHAYA
PENGERUSI



DATO' AHMAD IBNIHAJAR
PENGARAH URUSAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Laporan Juruaudit Bertauliah Kepada Ahli-Ahli Penang Port Sdn. Bhd.

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Penang Port Sdn. Bhd., pada muka surat 38 hingga 75, yang terdiri daripada lembaran imbangan Syarikat pada 31 Disember 2010, berserta penyata pendapatan komprehensif, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir semasa, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan dalam Nota 1 hingga 35.

Tanggungjawab Para Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang menunjukkan pandangan yang benar dan saksama bersesuaian dengan Piawaian Perakaunan MASB yang Diluluskan di Malaysia bagi Entiti-entiti Selain daripada Entiti-entiti Persendirian dan Akta Syarikat, 1965, dan bagi kawalan dalaman sedemikian yang ditentukan oleh Pengarah-pengarah sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah memberi pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini mengkehendaki kami mematuhi keperluan-keperluan beretika serta merancang dan menjalankan audit untuk mendapat jaminan munasabah bahawa penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata penting.

Audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata penting penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami mengambil kira kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan pandangan yang benar dan saksama untuk merancang prosedur-prosedur audit yang sesuai dalam keadaan sedemikian, tetapi bukan untuk tujuan memberi suatu pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengarah-pengarah, serta penilaian pembentangan keseluruhan penyata kewangan ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan dengan sewajarnya mengikut Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia dan Akta Syarikat, 1965 bagi memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2010 serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


Laporan Juruaudit Bertauliah Kepada Ahli-Ahli Penang Port Sdn. Bhd.
(sambungan)

LAPORAN KE ATAS KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PENGAWALSELIAAN YANG LAIN

Sejajar dengan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta buku daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna mengikut peruntukan Akta tersebut.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat hanya kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Bertauliah



CHO CHOO MENG
[2082/09/12 (J/PH)]
Akauntan Bertauliah

PULAU PINANG
13 Mei 2011

Penyata Pendapatan Komprehensif

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	2010	2009
		RM	RM
Hasil	7	**312,066,288**	268,534,763
Lain-lain pendapatan		**1,730,704**	7,633,611
Kegunaan barangan keperluan		**(11,730,439)**	(10,671,988)
Utiliti dan minyak		**(30,218,927)**	(25,908,384)
Kos kakitangan	8	**(108,762,203)**	(96,441,190)
Buruh kontrak		**(8,149,095)**	(8,205,319)
Susut nilai hartanah, mesin dan peralatan		**(36,592,745)**	(40,877,882)
Elaun bagi rosotnilai penghutang dagangan		**(340,184)**	(3,041,014)
Penulasan perbelanjaan pengorekan		**(10,478,548)**	(9,210,143)
Pembaikan dan penyelenggaraan		**(20,243,969)**	(19,122,863)
Perbelanjaan sewa		**(28,461,495)**	(25,547,400)
Cukai pintu dan cukai tanah		**(6,984,714)**	(7,497,429)
Bayaran profesional, perundangan dan lain-lain		**(2,177,714)**	(3,190,433)
Insuran		**(2,195,827)**	(1,541,899)
Lain-lain perbelanjaan operasi		**(5,818,047)**	(6,454,035)
KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI	9	**41,643,085**	18,458,395
Pendapatan pembiayaan	11	**1,968,183**	1,872,240
Kos pembiayaan	11	**(32,496,306)**	(13,974,495)
Kos pembiayaan - bersih	11	**(30,528,123)**	(12,102,255)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI		**11,114,962**	6,356,140
Cukai	12	**17,463,653**	70,380,440
KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		**28,578,615**	76,736,580
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan tersebut		**0**	0
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		**28,578,615**	76,736,580

Lembaran Imbangan
pada 31 Disember 2010

	Nota	2010 RM	2009 RM
PERBELANJAAN DIBAWA KE HADAPAN	14	**19,692,263**	1,976,923
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, mesin dan peralatan	15	**1,610,927,492**	1,339,214,757
Pinjaman kakitangan	16	**1,492,842**	1,589,331
Cukai tertunda	17	**76,920,483**	59,456,830
		1,689,340,817	1,400,260,918
ASET SEMASA			
Inventori	18	**11,128,221**	10,998,144
Penghutang dagangan	19	**37,883,272**	37,354,472
Deposit, prabayar dan lain-lain belum terima	20	**4,578,615**	6,884,810
Pelaburan	21	**0**	0
Cukai boleh diperolehi semula		**3,566,655**	3,173,633
Simpanan tetap, baki bank dan tunai	22	**83,875,957**	83,987,418
		141,032,720	142,398,477
JUMLAH ASET		**1,850,065,800**	1,544,636,318
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Manfaat persaraan	23	**72,815,910**	67,941,863
Peminjaman	24	**986,966,316**	710,080,952
Akruan pembayaran pajakan minimum	25	**24,932,411**	25,007,863
		1,084,714,637	803,030,678
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang dagangan dan lain-lain belum bayar	26	**53,658,452**	82,779,937
Manfaat persaraan	23	**4,005,087**	5,004,732
Peminjaman	24	**237,009,524**	206,276,190
Akruan pembayaran pajakan minimum	25	**75,454**	75,454
		294,748,517	294,136,313
JUMLAH LIABILITI		**1,379,463,154**	1,097,166,991
ASET BERSIH		**470,602,646**	447,469,327
EKUITI			
Modal saham	27	**73,450,003**	73,450,003
Keuntungan terkumpul	28	**397,152,643**	373,562,619
JUMLAH EKUITI		**470,602,646**	447,012,622
PENDAPATAN TERTUNDA	29	**0**	456,705
		470,602,646	447,469,327

Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Diterbit dan dibayar penuh bernilai RM1 sesaham		Boleh diagihkan	
	Saham biasa RM	Saham istimewa RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2010 (seperti dilaporkan terdahulu)	**73,450,002**	**1**	**373,562,619**	**447,012,622**
Pelarasan terhadap aplikasi FRS 139 (Nota 34)	**0**	**0**	**520,159**	**520,159**
Pada 1 Januari 2010, seperti dinyatakan semula	**73,450,002**	**1**	**374,082,778**	**447,532,781**
Jumlah pendapatan komprehensif				
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan tersebut	**0**	**0**	**28,578,615**	**28,578,615**
Transaksi dengan pemilik				
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009	**0**	**0**	**(5,508,750)**	**(5,508,750)**
Pada 31 Disember 2010	73,450,002	1	397,152,643	470,602,646
Pada 1 Januari 2009	73,450,002	1	325,610,867	399,060,870
Pelarasan tahun sebelumnya (Nota 33)	0	0	(18,869,078)	(18,869,078)
Pada 1 Januari 2009 (seperti dinyatakan semula)	73,450,002	1	306,741,789	380,191,792
Jumlah pendapatan komprehensif				
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan tersebut	0	0	76,736,580	76,736,580
Transaksi dengan pemilik				
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007	0	0	(4,407,000)	(4,407,000)
Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008	0	0	(5,508,750)	(5,508,750)
Jumlah transaksi dengan pemilik	0	0	(9,915,750)	(9,915,750)
Pada 31 Disember 2009	73,450,002	1	373,562,619	447,012,622

Penyata Aliran Tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010

	Nota	2010	2009
		RM	RM
AKTIVITI OPERASI			
Terimaan tunai dari penghutang		**315,803,490**	269,241,057
Bayaran tunai kepada pembekal dan kakitangan		**(216,108,092)**	(182,788,474)
Aliran tunai dari operasi		**99,695,398**	86,452,583
Bayaran faedah		**(29,740,385)**	(14,040,491)
(Bayaran)/ Terimaan cukai		**(393,022)**	486,676
		(30,133,407)	(13,553,815)
Aliran tunai operasi bersih		**69,561,991**	72,898,768
AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan dari pelupusan hartanah, mesin dan peralatan		**602,358**	357
Pampasan yang diterima berkaitan dengan projek trek berkembar		**0**	1,210,900
Pembelian hartanah, mesin dan peralatan	15	**(345,750,709)**	(416,084,446)
Pembayaran perbelanjaan pengorekan	14	**(28,193,888)**	(1,278,661)
Faedah diterima		**1,558,839**	1,499,492
Aliran tunai pelaburan bersih		**(371,783,400)**	(414,652,358)
AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Bayaran dividen		**(5,508,750)**	(9,915,750)
Terimaan peminjaman		**338,900,000**	685,000,000
Bayaran peminjaman		**(31,281,302)**	(348,702,190)
Aliran tunai pembiayaan bersih		**302,109,948**	326,382,060
PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI		**(111,461)**	(15,371,530)
TUNAI DAN SETARA PADA AWAL TAHUN KEWANGAN TERSEBUT		**83,987,418**	99,358,948
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN TERSEBUT	22	**83,875,957**	83,987,418

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat di sepanjang tahun kewangan adalah mengendali, mengurus, menyelenggara dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan serta perkhidmatan lain yang berkaitan atas lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Syarikat juga mengendali, memaju, mengurus dan mentadbir Zon Bebas Perdagangan di bawah Akta Zon Bebas, 1990 dan menjalankan aktiviti perkhidmatan gudang. Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

Syarikat ini adalah sebuah syarikat sendirian berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Para Pengarah menganggap Menteri Kewangan (Diperbadankan), diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Perbadanan), 1957, sebagai badan korporat pegangan induk.

Alamat pejabat berdaftar dan pejabat perniagaan utama ialah:
Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
No. 1 Pesara King Edward
10300 Pulau Pinang.

Bilangan pekerja Syarikat pada 31 Disember 2010 ialah 1,767 (2009: 1,699).

2 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS"), Piawaian Perakaunan MASB yang Diluluskan di Malaysia bagi Entiti-entiti Selain daripada Entiti-entiti Persendirian.

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut konsep kos sejarah kecuali sepertimana yang dinyatakan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan mengikut FRS memerlukan kegunaan sesetengah anggaran dan andaian perakaunan yang kritikal yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, serta jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tempoh pelaporan. Ia juga memerlukan para Pengarah menggunakan pertimbangan mereka dalam proses mengaplikasikan dasar-dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut adalah berasaskan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai aktiviti dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bahagian yang memerlukan pertimbangan atau kesulitan yang lebih tinggi, atau bahagian di mana andaian dan anggaran adalah kritikal kepada penyata kewangan telah didedahkan dalam Nota 5.

(a) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa**

Piawaian perakaunan baru, pindaan dan penambahbaikan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa bagi tahun kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 adalah seperti berikut:

- FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" dan Pindaan yang berkaitan
- FRS 8 "Segmen-segmen Operasi"
- FRS 101 (semakan semula) "Pembentangan Penyata Kewangan"
- FRS 123 "Kos-kos Peminjaman"
- FRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Sukatan" dan Pindaan yang berkaitan
- Pindaan kepada FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan"
- Penambahbaikan kepada FRSs (2009)

Sepanjang tahun kewangan ini, Syarikat telah mengubah dasar perakaunan seperti berikut semasa pengadaptasian piawaian baru, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran seperti di atas:

- Segmen-segmen Operasi - Nota 3(a)
- Aset Kewangan - Nota 3(d)

2 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa (sambungan)**

Kesan yang timbul daripada perubahan tersebut ke atas penyata kewangan Syarikat dibentangkan dalam Nota 34.

Di samping itu, kesan utama daripada perubahan dalam dasar perakaunan yang disebabkan oleh pengadaptasian FRS 139 adalah dibincangkan seperti di bawah:

- FRS 139 “Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Sukatan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2010) menetapkan prinsip bagi pengiktirafan dan sukatan aset kewangan, liabiliti kewangan dan beberapa kontrak jual dan beli butiran bukan-kewangan. Syarikat telah menerima pakai FRS 139 secara prospektif. Aplikasi secara retrospektif adalah tidak dibenarkan. Sebarang pelarasan kepada nilai bawaan yang terdahulu adalah diiktiraf sebagai pelarasan kepada baki keuntungan terkumpul atau, jika bersesuaian, kategori ekuiti yang lain, pada permulaan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Syarikat juga telah mengadaptasi 2 piawaian perakaunan seperti berikut yang memperkenalkan pembentangan dan keperluan pendedahan yang baru:

- FRS 101 (semakan semula) "Pembentangan Penyata Kewangan" melarang pembentangan butiran pendapatan dan perbelanjaan (yang mana, 'perubahan dalam ekuiti bukan-pemilik') dalam penyata perubahan dalam ekuiti, memerlukan 'perubahan dalam ekuiti bukan-pemilik' dibentangkan secara berasingan dari perubahan dalam ekuiti pemilik dalam penyata pendapatan komprehensif. Dengan ini Syarikat mengemukakan penyata perubahan dalam ekuiti yang merangkumi kesemua perubahan dalam ekuiti pemilik, walau bagaimanapun kesemua perubahan dalam ekuiti bukan-pemilik dikemukakan dalam penyata pendapatan komprehensif. Maklumat perbandingan dikemukakan semula selaras dengan piawaian tersebut. Perubahan dalam dasar perakaunan hanya memberi kesan ke atas aspek pembentangan sahaja.

- FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" memperkenalkan beberapa pendedahan baru berkenaan dengan instrumen kewangan dan ini tidak memberi kesan ke atas pengelasan dan penilaian instrumen kewangan Syarikat. FRS 7 tidak memerlukan pendedahan perbandingan apabila piawaian ini mula diterima pakai. Kesan ke atas penyata kewangan berikutan adaptasi FRS 7 adalah kebanyakannya berkenaan dengan pendedahan, seperti yang dibentangkan dalam Nota 4, 16, 19, 20 dan 24 kepada penyata kewangan.

(b) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi masih belum berkuatkuasa**

Syarikat akan menerima pakai piawaian baru, pindaan kepada piawaian dan tafsiran IC apabila berkuatkuasa seperti yang berikut:

- Pindaan kepada FRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” dan FRS 1 "Adaptasi Pertama Kali Piawaian Laporan Kewangan" (berkuatkuasa dari 1 Januari 2011) memerlukan pendedahan yang tinggi terhadap penyukatan nilai saksama dan risiko kecairan. Terutamanya, pindaan tersebut memerlukan pendedahan penyukatan nilai saksama mengikut tahap dalam hierarki penyukatan nilai saksama.

- Pindaan kepada FRS 132 “Instrumen Kewangan: Pembentangan” mengenai pengelasan hak terbitan (berkuatkuasa dari 1 Mac 2010) menumpukan pada perakaunan bagi hak terbitan yang didenominasikan dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian penerbit. Dengan syarat bahawa syarat-syarat tertentu dipenuhi, terbitan hak sedemikian kini dikelaskan sebagai instrumen ekuiti dan bukannya sebagai liabiliti derivatif, tidak kira jenis mata wang yang disebut bagi harga laksana. Pada masa ini, terbitan-terbitan ini diambil kira sebagai liabiliti derivatif.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

2 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) **Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkenaan dengan Syarikat tetapi masih belum berkuatkuasa (sambungan)**

- Interpretasi IC 4 “Menentukan sama ada suatu pengaturan mengandungi pajakan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2011) memerlukan Syarikat untuk mengenal pasti sebarang pengaturan yang nampaknya tidak mengambil bentuk pajakan mengikut undang-undang, tetapi memberi hak untuk menggunakan aset sebagai pulangan bagi pembayaran atau siri pembayaran. Interpretasi ini memberi panduan untuk menentukan sama ada pengaturan tersebut adalah, atau mengandungi pajakan. Penilaian tersebut adalah berdasarkan butiran pengaturan dan memerlukan penilaian sama ada pengaturan yang dibuat itu bebas daripada penggunaan aset khusus dan bahawa pengaturan tersebut memberikan hak untuk menggunakan aset tersebut. Sekiranya pengaturan tersebut mengandungi suatu pajakan, keperluan bagi FRS 117 “Pajakan” hendaklah digunapakai ke atas elemen pajakan bagi pengaturan tersebut.

- Interpretasi IC 17 "Pengagihan aset bukan-tunai kepada pemilik" (berkuatkuasa dari 1 Julai 2010) memberi panduan mengenai kaedah perakaunan bagi pengaturan di mana sesebuah entiti mengagihkan aset bukan-tunai kepada para pemegang saham, sama ada sebagai pengagihan rizab atau sebagai dividen. FRS 5 juga telah dipinda yang memerlukan aset dikelaskan sebagai dipegang untuk pengagihan hanya apabila ianya sedia untuk diagihkan dan pengagihan ini berkemungkinan besar akan dilaksanakan.

Penambahbaikan kepada FRSs:

- FRS 5 “Aset bukan semasa yang dipegang untuk dijual dan operasi yang ditamatkan” (berkuatkuasa dari 1 Julai 2010) menjelaskan bahawa kesemua aset dan liabiliti anak syarikat dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual jika pelan pelupusan separa mengakibatkan kehilangan kawalan. Pendedahan yang berkenaan hendaklah dibuat untuk anak syarikat ini jika takrifan operasi yang ditamatkan dipenuhi.

- FRS 101 “Pembentangan Penyata Kewangan” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2011) menjelaskan bahawa suatu entiti hendaklah membentangkan analisis lain-lain pendapatan komprehensif bagi setiap komponen ekuiti, sama ada dalam penyata perubahan dalam ekuiti atau dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kecuali telah dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan penting yang berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara material berkaitan dengan penyata kewangan.

(a) Pelaporan Segmen

Segmen-segmen operasi dilaporkan menggunakan pendekatan yang sama dengan laporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi tersebut, bertanggungjawab untuk mengagihkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen-segmen operasi, dikenalpasti sebagai jawatankuasa pengurusan yang membuat keputusan strategik.

(b) Hartanah, mesin dan peralatan

Hartanah, mesin dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai kecuali pada kerja dalam perlaksanaan yang tidak disusutnilaikan.

Kos lanjutan adalah termasuk dalam nilai bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, sebagaimana bersesuaian, hanya jika kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan berkenaan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Syarikat dan kos tersebut dapat diukur dengan pasti. Kesemua lain-lain pembaikan dan penyelenggaraan dicaj ke penyata pendapatan semasa tempoh kewangan di mana ianya berlaku.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah, mesin dan peralatan (sambungan)

Hartanah, mesin dan peralatan disusutnilai berasaskan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna pada kadar tahunan seperti berikut:

	%
Bangunan, binaan dan jalanraya	2.00 to 10.00
Vesel	5.00 to 6.67
Peralatan mekanikal	5.00 to 14.30
Loji, mesin dan peralatan	6.67 to 14.30
Kelengkapan pejabat	14.30 to 20.00

Hartanah, mesin dan peralatan bernilai kurang daripada RM2,000 dan dikenalpasti sebagai aset kurang nilai tidak dipermodalkan tetapi dicaj ke penyata pendapatan.

Syarikat selalu mengkaji anggaran hayat berguna aset dalam menentukan nilai perbelanjaan susutnilai yang akan direkodkan pada setiap tahun kewangan. Perubahan dalam tahap jangkaan penggunaan aset dan pengalaman terdahulu Syarikat dengan aset yang sama selepas mengambil kira perubahan teknologi yang dijangka akan memberi kesan ke atas hayat berguna ekonomi dan nilai sisa aset serta dengan ini susutnilai yang dikenakan pada masa hadapan akan disemak semula. Sebarang perubahan dalam hayat berguna ekonomi akan memberi kesan ke atas susutnilai yang dikenakan dan seterusnya ke atas keputusan Syarikat. Nilai sisa dan hayat berguna aset dikaji dan dilaraskan jika bersesuaian, pada setiap tarikh lembaran imbangan, dengan sebarang perubahan yang perakukan sebagai perubahan dalam anggaran dan dengan ini dilakukan secara prospektif.

Laba atau rugi atas pelupusan hartanah, mesin dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan nilai bawaan aset dan termasuk dalam penyata pendapatan.

Pada tarikh lembaran imbangan, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosotnilai. Jika tanda sedemikian wujud, analisis dijalankan untuk menentukan sama ada nilai bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Pengurangan nilai dibuat jika nilai bawaan aset melebihi nilai yang dapat diperolehi semula. Dasar perakaunan ke atas pengiktirafan dan sukatan kerugian rosotnilai dinyatakan dalam Nota 3(c) kepada penyata kewangan.

(c) Rosotnilai aset bukan kewangan

Nilai bawaan hartanah, mesin dan peralatan disemak untuk kerugian rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf apabila nilai bawaan aset melebihi nilai yang dapat diperolehi semula dari aset tersebut. Nilai yang dapat diperolehi semula adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai jualan bersih dan nilai sedang guna bagi sesuatu aset. Untuk tujuan penaksiran rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenalpasti secara berasingan.

Kerugian rosotnilai dicajkan serta merta ke penyata pendapatan, melainkan aset di bawa pada amaun penilaian semula. Sebarang kerugian rosotnilai bagi aset penilaian semula akan diambilkira sebagai pengurangan penilaian semula sehingga tahap kerugian rosotnilai tidak melebihi nilai dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Rosotnilai aset bukan kewangan (sambungan)

Pembalikkan kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tahun-tahun yang lalu direkodkan apabila terdapat petunjuk bahawa kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset tersebut tidak lagi wujud ataupun telah berkurangan. Pembalikkan ini diiktiraf setakat nilai bawaan aset yang ditentukan (setelah ditolak penulasan dan susutnilai) tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf. Pembalikkan akan diiktiraf serta merta dalam penyata pendapatan, melainkan aset dibawa pada nilai penilaian semula. Pembalikkan sesuatu kerugian rosotnilai yang dibuat ke atas aset yang dinilai semula dikreditkan secara langsung ke rizab penilaian semula. Walau bagaimanapun, setakat kerugian rosotnilai dalam aset penilaian semula yang sama yang telah diiktiraf terdahulu sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan, pembalikkan kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan.

(d) Aset kewangan

Syarikat telah mengubah dasar perakaunan bagi pengiktirafan dan sukatan aset kewangan semasa pengadaptasian FRS 139 “Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Sukatan” pada 1 Januari 2010.

Sebelum ini, pelaburan dalam pelaburan bukan semasa dinyatakan pada kos dan penghutang dagangan dibawakan pada nilai invois. Syarikat telah menerima pakai dasar baru berdasarkan kepada peruntukan peralihan FRS 139 dengan menilai semula kesemua aset kewangan, yang bersesuaian, dan merekodkan sebarang pelarasan kepada nilai bawaan sebelumnya kepada baki awal keuntungan terkumpul atau, jika bersesuaian, kategori ekuiti yang lain, tahun kewangan semasa. Perbandingan untuk instrumen kewangan tidak dilaraskan dan dengan ini baki sepadan tidak boleh dibandingkan. Rujuk kepada Nota 34 untuk melihat kesan ke atas perubahan dalam dasar perakaunan tersebut.

- Pengelasan

  Pengelasan aset kewangan Syarikat bergantung kepada tujuan aset kewangan tersebut diperolehi. Syarikat menentukan pengelasan aset kewangannya pada permulaan pengiktirafan.

  Pinjaman dan belum terima

  Aset kewangan Syarikat adalah kebanyakannya diklasifikasikan sebagai pinjaman dan belum terima. Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan, yang tidak disebut harga dalam pasaran yang aktif. Pinjaman dan belum terima ini termasuk dalam aset semasa, melainkan bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas berakhirnya tempoh laporan. Pinjaman dan belum terima ini dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan belum terima Syarikat terdiri daripada “penghutang dagangan dan lain-lain belum terima” dan “tunai dan setara tunai” pada lembaran imbangan.

- Pengiktirafan dan nyah pengiktirafan

  Aset kewangan diiktiraf jika Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak aset. Aset kewangan dinyah iktiraf jika hak kontrak Syarikat kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat atau jika Syarikat memindahkan aset kewangan tersebut kepada pihak lain tanpa menahan kawalan atau memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat aset. Cara kebiasaan pembelian dan penjualan aset kewangan adalah diperakukan pada tarikh dagangan, sebagai contoh, tarikh di mana Syarikat mengikat janji untuk membeli atau menjual aset tersebut.

- Sukatan awal

  Pada mulanya aset kewangan bukan derivatif diiktiraf pada nilai saksama tambah, untuk aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui pendapatan dan perbelanjaan, sebarang punca kos langsung. Lanjutan kepada permulaan pengiktirafan, aset kewangan bukan derivatif diukur seperti dinyatakan di bawah.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Aset kewangan (sambungan)

- Sukatan lanjutan

  Lanjutan kepada permulaan pengiktirafan, aset kewangan bukan derivatif diukur, pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, tolak sebarang kerugian rosotnilai, dengan sebarang keputusan laba atau rugi yang diiktiraf secara langsung dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dibentangkan dalam rizab nilai saksama dalam ekuiti. Pengecualian adalah kerugian rosotnilai dan laba dan rugi pertukaran asing ke atas butiran kewangan seperti sekuriti pinjaman, di mana diiktiraf dalam pendapatan dan perbelanjaan. Apabila aset kewangan dinyah iktiraf, laba atau rugi terkumpul terdahulu yang diiktiraf secara langsung dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dibentangkan dalam rizab nilai saksama adalah dipindahkan kepada pendapatan dan perbelanjaan.

  Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan dalam lembaran imbangan apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi amaun yang diktiraf dan Syarikat berhasrat untuk pelunasan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan melunaskan liabiliti secara serentak.

(e) Rosotnilai aset kewangan (termasuk belum terima)

Aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui untung atau rugi dinilai pada setiap tarikh laporan bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan telah terosot. Aset kewangan telah terosot sekiranya terdapat bukti objektif yang menunjukkan peristiwa kerugian yang berlaku selepas permulaan pengiktirafan aset tersebut, dan peristiwa kerugian itu memberi kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti objektif bahawa aset kewangan (termasuk sekuriti ekuiti) telah terosot termasuklah kegagalan membayar hutang oleh penghutang, pengaturan semula hutang kepada Syarikat atas syarat di mana Syarikat tidak mempertimbangkan sebaliknya, petunjuk di mana penghutang atau penerbit akan menjadi bankrap, kehilangan pasaran yang aktif bagi sekuriti tersebut. Di samping itu, bagi pelaburan dalam sekuriti ekuiti, penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya adalah bukti objektif rosotnilai.

Syarikat mempertimbangkan bukti rosotnilai bagi belum terima pada tahap aset tertentu dan kumpulan. Kesemua signifikan individu belum terima dinilai untuk rosotnilai tertentu. Kesemua signifikan individu belum terima yang didapati tidak terosot adalah kemudian dinilai secara kumpulan untuk sebarang rosotnilai yang telah berlaku tetapi belum dikenalpasti. Belum terima yang tidak signifikan secara individu dinilai secara kumpulan untuk rosotnilai dengan mengumpulkan bersama belum terima yang mempunyai karakter risiko yang sama.

Dalam menilai rosotnilai kumpulan, Syarikat menggunakan aliran terdahulu bagi kemungkinan kegagalan pembayaran, jarak masa pemulihan dan nilai kerugian yang dialami, dilaraskan kepada pertimbangan pengurusan sama ada ekonomi semasa dan keadaan kredit di mana kerugian sebenar boleh menjadi lebih besar atau rendah berbanding yang dicadangkan oleh aliran terdahulu.

Kerugian rosotnilai bagi aset kewangan yang diukur pada kos terlunas adalah dikira sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset tersebut dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian tersebut diiktiraf dalam pendapatan dan perbelanjaan dan ditunjukkan dalam akaun elaun berbanding belum terima. Faedah ke atas aset kewangan yang terosot seterusnya diiktiraf melalui diskaun yang diuraikan. Apabila peristiwa lanjutan menyebabkan nilai kerugian rosotnilai berkurang, pengurangan dalam kerugian rosotnilai dibalikkan melalui pendapatan dan perbelanjaan.

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(f) Pajakan operasi

Pajakan operasi diperakukan dengan mengenakan bayaran pajakan sewaan kepada penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(g) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos ditentukan berdasarkan kaedah purata wajaran, meliputi semua kos pembelian dan kos-kos lain yang ditanggung bagi membawa inventori ke lokasi dan keadaan yang terkini.

Nilai boleh realis bersih merupakan anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak perbelanjaan jualan boleh ubah yang berkaitan.

(h) Tunai dan setara tunai

Untuk tujuan pembentangan dalam penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk tunai dalam tangan, deposit panggilan di bank, pelaburan jangka pendek mudah cair, yang mempunyai risiko yang rendah ke atas perubahan nilai, dan overdraf bank. Overdraf bank ditunjukkan bersama peminjaman dalam liabiliti semasa pada lembaran imbangan.

(i) Peminjaman

Peminjaman diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama, bersih dari kos transaksi yang berlaku. Peminjaman kemudiannya dibawa pada kos terlunas; sebarang perbezaan di antara nilai diiktiraf pada permulaan (bersih dari kos transaksi) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh peminjaman menggunakan kaedah faedah efektif.

Yuran yang dibayar semasa mewujudkan kemudahan peminjaman diiktiraf sebagai kos transaksi peminjaman sehingga tahap di mana ia pasti bahawa sebahagian atau kesemua kemudahan tersebut akan dikeluarkan. Dalam kes ini, yuran tersebut ditangguhkan sehingga pengeluaran berlaku. Sehingga tahap di mana tiada bukti yang pasti bahawa sebahagian atau kesemua kemudahan akan dikeluarkan, yuran tersebut dipermodalkan sebagai pra-pembayaran untuk perkhidmatan mudah cair dan dilunaskan dalam tempoh kemudahan tersebut dikaitkan.

(j) Pemiutang dagangan

Pemiutang dagangan adalah tanggungan untuk membayar bagi barangan atau perkhidmatan yang diperolehi daripada pembekal-pembekal dalam urusan biasa perniagaan. Akaun belum bayar dikelaskan sebagai liabiliti semasa sekiranya pembayaran perlu dibuat dalam tempoh setahun atau kurang dari setahun (atau dalam kitaran pengendalian biasa perniagaan, jika lebih lama). Jika tidak, ia akan dibentangkan sebagai liabiliti bukan semasa.

(k) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan semasa ditentukan berdasarkan keuntungan pada tahun kewangan tersebut, seperti yang dilaraskan untuk tujuan percukaian, bersama dengan caj atau kredit untuk cukai tertunda.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, bagi perbezaan sementara yang timbul di antara jumlah yang berpunca dari aset dan liabiliti bagi tujuan percukaian dan nilai bawaan aset dan liabiliti tersebut dalam penyata kewangan melainkan perbezaan sementara yang timbul dari pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan penggabungan perniagaan dan tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan yang boleh dikenakan cukai pada masa transaksi diadakan.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Cukai pendapatan (sambungan)

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke suatu takat yang berkemungkinan bahawa keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan akan terhasil, yang daripadanya, perbezaan sementara yang boleh dikurangkan atau kerugian cukai yang tidak terpakai boleh digunakan.

Kadar cukai yang diwarta atau sebahagian besar telah diwartakan pada tarikh lembaran imbangan digunakan untuk menentukan cukai tertunda. Aset dan liabliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi aset cukai tertunda terhadap liabiliti cukai tertunda dan apabila cukai tertunda berhubungkait dengan pihak percukaian yang sama.

(l) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja jangka pendek

Gaji, upah, cuti tahunan, bonus dan insentif pekerja Syarikat adalah diakrukan dalam tahun kewangan di mana jangka masa perkhidmatan mereka diberikan.

(ii) Manfaat pekerja selepas perkhidmatan

Syarikat mempunyai pelan sumbangan yang didefinisikan dan pelan manfaat yang didefinisikan. Pelan sumbangan yang didefinisikan ialah pelan pencen di mana Syarikat membayar sumbangan tetap ke dalam entiti berasingan (dana) dan tidak mempunyai tanggungan undang-undang atau konstruktif untuk terus membayar sumbangan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam jangka waktu semasa dan sebelumnya. Pelan manfaat yang didefinisikan ialah pelan pencen di mana amaun manfaat diperuntukkan, sebagai fungsi bagi satu atau lebih faktor-faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

Pelan sumbangan yang didefinisikan

Syarikat menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, iaitu pelan sumbangan kebangsaan yang ditetapkan. Sumbangan tersebut dicaj kepada penyata pendapatan dalam jangkamasa yang mana ia berkaitan. Sebaik sahaja sumbangan tersebut telah dibayar, Syarikat tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk pembayaran selanjutnya.

Pelan manfaat yang didefinisikan

Syarikat menjalankan satu pelan manfaat yang tidak didanakan. Liabiliti berkenaan pelan ini ialah nilai semasa tanggungan manfaat yang didefinisikan pada tarikh lembaran imbangan, bersama dengan pelarasan bagi laba/kerugian aktuarial dan kos perkhidmatan lepas. Syarikat menentukan nilai semasa tanggungan manfaat yang didefinisikan pada kekerapan yang mencukupi, untuk memastikan jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan tidak banyak berbeza dengan jumlah yang akan ditentukan pada tarikh lembaran imbangan. Penilaian aktuarial terakhir telah dilakukan pada Disember 2008.

Tanggungan manfaat yang didefinisikan dikira dengan menggunakan kaedah kredit terunjur yang ditentukan oleh aktuari luaran bebas dengan mengambilkira jangkaan aliran keluar tunai masa hadapan dengan menggunakan harga pasaran bon korporat berkualiti pada tarikh penilaian dan terma kepada kematangan yang lebih kurang sama kepada terma liabiliti yang berkaitan. Pelan manfaat yang didefinisikan adalah tanpa caruman dan tidak didanakan.

Laba dan kerugian aktuarial berpunca daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuarial. Jumlah laba dan kerugian bersih aktuarial yang diiktiraf dalam penyata pendapatan ditentukan seperti mana yang tertakluk dalam FRS 119 “Manfaat Pekerja” dan dicaj atau dikredit ke penyata pendapatan atas purata baki tempoh khidmat pekerja yang terlibat dalam pelan manfaat yang didefinisikan tersebut.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

3 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Pendapatan tertunda

Pendapatan tertunda meliputi geran Kerajaan diterima berhubung dengan kren dan dikreditkan ke penyata pendapatan sepanjang anggaran hayat berguna kren tersebut. Geran ini dinyatakan pada jumlah yang telah diterima tolak amaun terkumpul yang dikreditkan ke penyata pendapatan.

(n) Liabiliti luar jangka

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah kemungkinan tanggungan yang timbul dari peristiwa masa lalu di mana kewujudannya akan disahkan melalui terjadinya atau tidak terjadinya satu atau lebih kejadian masa hadapan belum pasti yang berada di luar kawalan Syarikat atau tanggungan kini yang tidak diiktiraf kerana aliran keluar sumber yang tidak berkemungkinan diperlukan untuk menyelesaikan tanggungan tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam kes yang jarang berlaku ketika ada tanggungan yang tidak boleh diiktiraf kerana tidak dapat diukur dengan pasti.

(o) Pengiktirafan hasil

Hasil meliputi nilai saksama imbalan yang diterima atau akan diterima bagi penyediaan perkhidmatan dalam urusniaga biasa aktiviti Syarikat. Hasil adalah ditunjukkan bersih dari cukai pendapatan, rebat dan diskaun.

Syarikat mengiktiraf hasil apabila nilai hasil boleh diukur dengan pasti, manfaat ekonomi masa hadapan berkemungkinan akan mengalir kepada Syarikat dan apabila kriteria tertentu telah dipenuhi bagi setiap aktiviti Syarikat seperti yang dinyatakan di bawah:

- Jualan diiktiraf secara dasar terakru semasa penyediaan perkhidmatan.
- Pendapatan faedah diiktiraf secara dasar terakru yang ditentukan oleh baki pokok dan kadar yang dikenakan.
- Pendapatan sewaan diiktiraf secara dasar terakru mengikut perjanjian sewaan.
- Pendapatan dividen diiktiraf secara dasar terakru.

(p) Perbelanjaan dibawa ke hadapan

Perbelanjaan pengorekan yang dibelanjakan untuk mendalamkan Selat Utara dan lain-lain dermaga dinyatakan pada kos tolak penulasan terkumpul. Perbelanjaan tersebut dipermodalkan dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus dalam jangkamasa 3 tahun supaya bersesuaian dengan kos dan sejajar dengan manfaat ekonomi masa hadapan.

Kerja-kerja penyelenggaraan biasa dinyatakan dalam penyata pendapatan bagi setiap kerja yang dilaksanakan.

(q) Kos peminjaman

Kos peminjaman yang dialami untuk membiayai aset yang dibenarkan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset bagi tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset untuk kegunaan yang dimaksudkan. Lain-lain kos peminjaman adalah dibelanjakan apabila berlaku.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(i) Faktor-faktor risiko kewangan

Aktiviti Syarikat terdedah kepada beberapa risiko kewangan: risiko pasaran (termasuk risiko kadar faedah nilai saksama, risiko kadar faedah aliran tunai dan risiko harga), risiko kredit dan risiko kecairan. Objektif risiko kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah untuk memastikan sumber kewangan mencukupi dalam pembangunan perniagaan Syarikat selain mengurus risiko kewangannya, dan tidak terlibat dalam transaksi spekulatif. Syarikat memfokuskan atas ketidakpastian yang berlaku dalam pasaran kewangan dan operasi perniagaan, dan cuba meminimumkan kesan tidak baik ke atas prestasi kewangan Syarikat.

Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui analisa risiko, sistem kawalan dalaman dan kepatuhan kepada polisi pengurusan risiko kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah menganalisa risiko-risiko ini secara kerap dan meluluskan polisi-polisi, yang merangkumi pengurusan risiko-risiko ini.

Risiko pasaran

(a) Risiko harga

Risiko harga adalah risiko terhadap nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Syarikat yang berubah-ubah disebabkan perubahan dalam harga-harga pasaran (selain daripada kadar faedah atau pertukaran).

Pada 31 Disember 2010, Syarikat mempertimbangkan risiko kerugian ketara yang disebabkan perubahan dalam nilai pasaran adalah minimal, di mana tiada perjanjian perolehan signifikan yang tertunggak yang mempunyai harga belian yang berbeza-beza. Tambahan pula, kadar bagi perkhidmatan pelabuhan kepada pelanggan adalah berdasarkan kepada tarif/caj pelabuhan yang digazet dan bukan-gazet.

(b) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko terhadap nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Syarikat yang berubah-ubah disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Hasil dan aliran tunai operasi Syarikat dipengaruhi oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran. Risiko kadar faedah Syarikat terdedah daripada peminjaman jangka panjang dan jangka pendek.

Peminjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbeza-beza mendedahkan Syarikat kepada risiko kadar faedah aliran tunai yang mana sebahagiannya diimbangi oleh tunai yang dipegang pada kadar yang berbeza-beza. Peminjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap mendedahkan Syarikat kepada risiko kadar faedah nilai saksama.

Sekiranya perlu, pendedahan ini diuruskan melalui program pengubahsuaian kadar faedah dari terapung ke tetap dan sebaliknya.

Analisis kepekaan
Pada 31 Disember 2010, jika kadar faedah pada peminjaman yang didenominasi dalam RM lebih tinggi/ rendah 50 mata asas dengan kesemua pembolehubah lain dianggap tetap, keuntungan selepas cukai untuk tahun tersebut dianggarkan lebih tinggi/ rendah sebanyak RM2,773,000 disebabkan perbelanjaan faedah yang lebih tinggi/ rendah pada peminjaman kadar terapung. Andaian pergerakan dalam mata asas untuk analisis kepekaan kadar faedah adalah berasaskan pada pergerakan pasaran semasa yang dapat dilihat.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(i) Faktor-faktor risiko kewangan (sambungan)

Risiko kredit

Risiko kredit adalah kerugian kewangan berpotensi yang disebabkan dari kegagalan pelanggan atau pihak lain untuk menyelesaikan tanggungan kewangan dan kontrak kepada Syarikat, apabila bayaran perlu dibuat.

Pada akhir tahun kewangan tersebut, pinjaman dan belum terima adalah seperti berikut:

	Nota	**2010** **RM**	2009 RM
Penghutang dagangan	19	**37,883,272**	37,354,472
Deposit dan prabayar	20	**1,258,096**	1,791,602
Lain-lain belum terima	20	**3,250,519**	5,023,208
Pinjaman dan belum terima		**42,391,887**	44,169,282

Risiko kredit wujud daripada pelanggan komersial dan sewaan di mana perkhidmatan dan penyewaan diperuntukkan atas terma-terma kredit tertunda. Risiko kredit diuruskan melalui pengawalan sekuriti atau cagaran sebagai prasyarat untuk pembukaan akaun pelanggan, seperti dinyatakan dalam Nota 19. Perkhidmatan hanya diberikan kepada pelanggan yang mempunyai sejarah kredit yang baik. Perkhidmatan kepada pelanggan akan digantung apabila amaun hutang melebihi nilai sekuriti dan setelah lain-lain inisiatif penstrukturan semula gagal. Syarikat menganggap risiko kerugian ketara dari kegagalan pembayaran adalah minimal.

Syarikat mengadakan elaun bagi rosotnilai yang menunjukkan anggaran kerugian terhadap penghutang dagangan dan lain-lain belum terima. Komponen utama peruntukan ini adalah komponen kerugian khusus yang berkaitan dengan pendedahan signifikan setiap individu.

Akaun elaun terhadap penghutang dagangan dan lain-lain belum terima digunakan untuk merekodkan kerugian rosotnilai melainkan Syarikat berpuashati bahawa amaun yang dihutang tidak mungkin diperolehi semula. Pada ketika itu, aset kewangan tersebut dipertimbangkan tidak boleh diperolehi semula dan amaun yang dicaj kepada akaun elaun dilupuskan berbanding nilai bawaan aset kewangan yang terosot itu.

Tunai dan deposit tetap ditempatkan dengan bank-bank yang mempunyai reputasi dan institusi- institusi kewangan dengan pengkadaran kredit tinggi dan tiada sejarah kegagalan pembayaran.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Risiko kecairan adalah risiko di mana Syarikat akan berhadapan dengan permasalahan bagi memenuhi tanggungan kewangan disebabkan kekurangan dana.

Syarikat mengurus dengan aktifnya aliran tunai operasi, keperluan perbelanjaan modal, profil hutang matang dan keperluan dana untuk memastikan semua pembiayaan, pembayaran dan keperluan dana adalah mencukupi. Sebahagian daripada langkah berjaga-jaga dalam pengurusan kecairan, Syarikat mengekalkan tahap tunai yang memadai dan sekuriti boleh pasar serta keperluan dana melalui kemudahan kredit yang secukupnya. Syarikat juga membuat pelaburan bagi aset-aset tunai secara selamat dan membawa keuntungan.

Pada 31 Disember 2010, Syarikat mempunyai liabiliti semasa bersih berjumlah RM153,715,797 di mana kebanyakannya berpunca kepada baki Kredit Berubah yang berjumlah RM195,000,000. Lembaga Pengarah tidak memandang ini sebagai risiko yang signifikan di mana Syarikat mempunyai akses kepada kemudahan peminjaman berjangka yang belum digunakan berjumlah RM246,100,000 pada 31 Disember 2010 dan Syarikat juga dalam proses menukar peminjaman Kredit Berubah kepada peminjaman berjangka. Di samping itu, Syarikat mampu menghasilkan aliran tunai yang mencukupi dari operasi berdasarkan kepada unjuran aliran tunai bagi tahun kewangan yang berikutnya.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(i) Faktor-faktor risiko kewangan (sambungan)

Risiko kecairan dan aliran tunai (sambungan)

Unjuran aliran tunai disediakan oleh Syarikat. Unit Kewangan memantau unjuran bagi keperluan kecairan Syarikat untuk memastikan Syarikat mempunyai tunai yang mencukupi dalam memenuhi keperluan operasi sementara mengekalkan kecukupan ke atas kemudahan peminjaman yang belum dikeluarkan (Nota 24) sepanjang masa untuk memastikan Syarikat tidak mungkir had peminjaman atau perjanjian (di mana diterima pakai) ke atas sebarang kemudahan peminjaman. Unjuran tersebut mengambil kira pelan pembiayaan hutang Syarikat, pematuhan perjanjian, pematuhan dengan paras sasaran lembaran imbangan dalaman dan, jika bersesuaian keperluan kawal selia luar atau undang-undang.

Lebihan tunai yang dipegang oleh Syarikat yang melebihi baki perlu untuk pengurusan modal kerja ditempatkan dalam deposit bermasa, deposit wang pasaran dan sekuriti yang boleh pasar dengan kematangan yang bersesuaian atau kecairan yang memadai untuk menyediakan kecukupan seperti ditentukan oleh unjuran di atas.

Jadual di bawah menganalisa liabiliti kewangan bukan-derivatif Syarikat ke dalam kumpulan matang yang berkenaan berdasarkan kepada baki tempoh pada tarikh lembaran imbangan kepada tarikh kontrak matang. Nilai yang dinyatakan dalam jadual adalah aliran kontrak tunai yang tidak didiskaunkan.

	Tidak kurang dari 1 tahun RM	Lebih dari 1 tahun dan tidak kurang dari 2 tahun RM	Lebih dari 2 tahun dan tidak kurang dari 5 tahun RM	Lebih dari 5 tahun RM
Pada 31 Disember 2010				
Peminjaman	**237,009,524**	**49,142,857**	**352,607,143**	**585,216,316**
Pemiutang dagangan dan lain-lain belum bayar	**53,658,452**	**0**	**0**	**0**

(ii) Faktor-faktor risiko modal

Matlamat Syarikat dalam menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi, sebagai usaha yang berterusan, menyediakan pulangan kepada pemegang-pemegang saham dan ganjaran bagi pihak-pihak berkepentingan lain selain mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal.

Dalam usaha untuk mengekalkan atau menyelaraskan struktur modal, Syarikat boleh menyelaraskan amaun dividen yang dibayar kepada pemegang-pemegang saham, modal pulangan kepada pemegang-pemegang saham, atau menjual aset-aset untuk mengurangkan hutang.

Syarikat juga memantau paras penggearannya berbanding dengan pesaing-pesaingnya dalam industri. Paras ini adalah dikira sebagai jumlah peminjaman dibahagi dengan jumlah modal. Jumlah modal adalah dikira sebagai “ekuiti” seperti yang ditunjukkan dalam lembaran imbangan tambah jumlah peminjaman.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

5 ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN KRITIKAL

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan kepada pengalaman masa lalu serta faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

Syarikat membuat anggaran dan andaian berhubung masa hadapan. Mengikut definisi, anggaran perakaunan yang dilakukan jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap nilai bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan hadapan dinyatakan di bawah.

(i) Cukai pendapatan

Pertimbangan yang penting diperlukan untuk menentukan elaun modal dan pengurangan perbelanjaan yang dibenarkan semasa anggaran peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak transaksi dan pengiraan di mana penentuan cukai muktamad adalah tidak jelas semasa urusniaga biasa. Apabila terdapat perbezaan antara nilai cukai sebenar dan nilai cukai direkod, ia akan mempengaruhi peruntukan cukai pendapatan dan cukai pendapatan tertunda yang telah dibuat pada tempoh tersebut.

(ii) Cukai aset tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke suatu takat yang berkemungkinan bahawa keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan akan terhasil, yang daripadanya, perbezaan sementara boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung prestasi kewangan masa hadapan Syarikat.

(iii) Elaun bagi rosotnilai penghutang dagangan dan lain-lain belum terima

Syarikat mengiktiraf elaun bagi rosotnilai hutang ragu apabila terdapat bukti yang kukuh di mana Syarikat tidak mampu untuk mengumpulkan semua hutang-hutang yang sudah sampai tempoh berdasarkan terma asal penerimaan.

Pertimbangan yang penting diperlukan dalam penilaian pemulihan belum terima. Apabila pemulihan sebenar menyimpang daripada anggaran pengurusan, ini akan menyebabkan kesan ketara ke atas penyata pendapatan. Berdasarkan penilaian pengurusan, pengurusan yakin bahawa tahap elaun bagi rosotnilai penghutang dagangan dan lain-lain belum terima semasa adalah mencukupi. Di samping itu, pengurusan juga melakukan pemantauan yang ketat terhadap pemulihan hutang-hutang tersebut.

(iv) Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran yang aktif ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Syarikat menggunakan pertimbangannya untuk memilih pelbagai kaedah dan membuat andaian yang terutamanya berdasarkan keadaan pasaran pada akhir setiap tempoh pelaporan. Syarikat menggunakan analisis aliran tunai terdiskaun bagi instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran yang aktif.

(v) Manfaat persaraan

Nilai semasa manfaat persaraan bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan pada asas aktuarial yang menggunakan beberapa andaian. Andaian yang digunakan untuk menentukan kos (pendapatan) bersih bagi manfaat persaraan adalah termasuk kadar diskaun. Sebarang perubahan dalam andaian tersebut akan memberi kesan ke atas nilai bawaan manfaat persaraan.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

5 ANGGARAN PERAKAUNAN DAN PERTIMBANGAN KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(v) Manfaat persaraan (sambungan)

Syarikat menentukan kadar diskaun yang bersesuaian pada setiap akhir tahun. Ini adalah kadar faedah yang sepatutnya digunakan untuk menentukan nilai semasa anggaran aliran keluar tunai masa hadapan yang dijangka perlu untuk menyelesaikan tanggungan persaraan. Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Syarikat perlu mempertimbangkan kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi, dan yang mempunyai terma kematangan yang lebih kurang sama dengan terma bagi liabiliti yang berkaitan. Maklumat tambahan dinyatakan dalam Nota 23.

(vi) Susutnilai

Susutnilai aset bukan kewangan merangkumi sebahagian besar kos operasi Syarikat. Kos tersebut dicaj sebagai perbelanjaan susutnilai terhadap anggaran hayat berguna aset yang berkenaan menggunakan kaedah garis lurus. Syarikat selalu menyemak semula perubahan dalam teknologi dan keadaan industri, aktiviti pelupusan aset dan nilai sisa untuk menentukan pelarasan kepada anggaran baki hayat berguna dan kadar susutnilai.

Tempoh ekonomi sebenar mungkin berbeza dengan anggaran hayat berguna. Kekerapan semakan boleh menyebabkan perubahan dalam hayat susutan dan seterusnya perbelanjaan susutnilai pada masa hadapan.

Nilai sisa aset pelabuhan adalah dianggarkan setelah mengambil kira harga yang boleh diperolehi semula daripada jualan aset pelabuhan dan jangkaan usia serta keadaan pada akhir tempoh hayat, setelah ditolak anggaran kos pelupusan.

6 MAKLUMAT SEGMEN

Ketua pembuat keputusan operasi dikenalpasti sebagai jawatankuasa pengurusan. Segmen-segmen operasi ditentukan berdasarkan kepada laporan dalaman yang disemak oleh jawatankuasa pengurusan yang digunakan untuk menilai prestasi dan mengagihkan sumber-sumber.

Jawatankuasa pengurusan menganggap perniagaan dari perspektif perkhidmatan. Dari perspektif perkhidmatan, jawatankuasa pengurusan menilai prestasi operasi pelabuhan dan operasi feri. Tiada laporan segmen disediakan mengikut lokasi geografi di mana aktiviti Syarikat hanya tertumpu di Malaysia.

Walaupun segmen operasi Feri tidak memenuhi ambang kuantitatif yang dikehendaki oleh FRS 8, pengurusan mengambil keputusan bahawa segmen ini perlu dilaporkan, di mana ia dipantau secara rapi oleh jawatankuasa pengurusan sebagai segmen yang memerlukan perhatian.

Jawatankuasa pengurusan menilai prestasi segmen-segmen operasi berdasarkan kepada keuntungan. Pendapatan dan perbelanjaan faedah tidak diagihkan kepada segmen-segmen tersebut, di mana aktiviti ini dijalankan oleh fungsi pusat perbendaharaan, yang menguruskan posisi dana Syarikat.

Maklumat segmen yang disediakan kepada jawatankuasa pengurusan untuk pelaporan segmen bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

6 MAKLUMAT SEGMEN (SAMBUNGAN)

	2010			2009		
	Operasi Pelabuhan RM	**Operasi Feri RM**	**Jumlah RM**	Operasi Pelabuhan RM	Operasi Feri RM	Jumlah RM (Dinyatakan semula)
Hasil						
Hasil luaran	**298,165,264***	**13,901,024**	**312,066,288**	252,347,041	16,187,722	268,534,763
Keputusan						
Keputusan segmen	**60,480,741**	**(16,540,936)**	**43,939,805**	35,142,900	(14,370,588)	20,772,312
Pendapatan tidak diagihkan			**1,273,999**			659,416
Perbelanjaan tidak diagihkan			**(3,570,719)**			(2,973,333)
Keuntungan dari operasi			**41,643,085**			18,458,395
Pendapatan faedah			**1,968,183**			1,872,240
Perbelanjaan faedah			**(32,496,306)**			(13,974,495)
Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai			**11,114,962**			6,356,140
Cukai			**17,463,653**			70,380,440
Keuntungan daripada aktiviti biasa selepas cukai			**28,578,615**			76,736,580

* Hasil dari operasi pelabuhan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 termasuk hasil berjumlah RM33,630,750 (2009: RM25,072,998) dan RM31,928,721 (2009: RM26,085,862) diperolehi daripada dua pelanggan utama.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

6 MAKLUMAT SEGMEN (SAMBUNGAN)

	2010			2009		
	Operasi Pelabuhan RM	**Operasi Feri RM**	**Jumlah RM**	Operasi Pelabuhan RM	Operasi Feri RM	Jumlah RM
Lain-lain maklumat						
Aset segmen	**1,653,198,290**	**30,233,111**	**1,683,431,401**	1,363,340,186	32,096,490	1,395,436,676
Aset tidak diagihkan			**166,634,399**			149,199,642
Jumlah aset			**1,850,065,800**			1,544,636,318
Liabiliti segmen	**143,588,408**	**11,898,906**	**155,487,314**	168,736,334	12,073,515	180,809,849
Liabiliti tidak diagihkan			**1,223,975,840**			916,357,142
Jumlah liabiliti			**1,379,463,154**			1,097,166,991
Pendapatan tertunda	**0**	**0**	**0**	456,705	0	456,705
Perbelanjaan modal	**307,932,934**	**446,169**	**308,379,103**	529,327,837	612,872	529,940,709
Susutnilai dan pelunasan perbelanjaan pengorekan	**44,938,896**	**2,132,397**	**47,071,293**	47,987,988	2,100,037	50,088,025

Pendapatan tidak diagihkan sebahagian besarnya terdiri daripada laba dari pelupusan hartanah, mesin dan peralatan. Perbelanjaan tidak diagihkan terdiri daripada perbelanjaan buruh dan overhead yang tidak diagihkan.

Aset segmen merangkumi hartanah, mesin dan peralatan, inventori, penghutang dagangan dan lain-lain belum terima serta perbelanjaan dibawa ke hadapan tetapi tidak termasuk pelaburan, pinjaman kakitangan, cukai yang diperolehi semula, cukai tertunda dan simpanan tetap, baki bank dan tunai. Liabiliti segmen merangkumi liabiliti operasi tetapi tidak termasuk peminjaman.

7 HASIL

Berikut adalah hasil dari semua perkhidmatan:

	2010 RM	2009 RM
Pendapatan daripada perkhidmatan pelabuhan dan perkhidmatan berkaitan	**298,502,840**	258,148,111
Pendapatan sewaan	**13,563,448**	10,386,652
	312,066,288	268,534,763

8 KOS KAKITANGAN

	2010 RM	2009 RM
Upah dan gaji	**71,121,888**	66,204,033
Pelan sumbangan yang didefinisikan	**7,834,953**	7,048,549
Pelan manfaat yang didefinisikan	**10,369,813**	8,896,229
Manfaat pekerja lain	**19,435,549**	14,292,379
	108,762,203	96,441,190

Maklumat berkenaan pelan manfaat yang didefinisikan bagi Syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 23.

Ganjaran bagi para Pengarah dan ahli pengurusan utama yang lain sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Gaji dan bonus	**1,481,365**	1,876,532
Pelan sumbangan yang didefinisikan	**185,421**	243,585
Bayaran manfaat yang didefinisikan	**537,433**	659,424
	2,204,219	2,779,541

9 KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI

	2010 RM	2009 RM
Keuntungan daripada operasi dinyatakan selepas dicaj:		
Sewaan pajakan operasi bagi peralatan pelabuhan	**19,929,423**	17,182,205
Perbelanjaan sewaan:		
- sewaan pajakan konsesi	**7,582,451**	7,384,304
- kelengkapan dan ruang pejabat	**949,621**	980,891
Ganjaran juruaudit	**95,000**	75,000
Hartanah, mesin dan peralatan dihapuskira	**27,549**	27,829
Hartanah, mesin dan peralatan dihapuskira berkaitan dengan projek trek berkembar	**0**	1,237,280
Kerugian atas pelupusan hartanah, mesin dan peralatan	**44,813**	8,854
Pelupusan inventori	**158,451**	449,370
Terimaan dari ganti rugi jumlah tertentu	**0**	158,600
dan mengkreditkan:		
Pendapatan sewaan	**13,563,448**	10,386,652
Laba dari pelupusan hartanah, mesin dan peralatan	**601,097**	305
Pengiktirafan pendapatan tertunda	**456,705**	1,096,096
Tuntutan dari ganti rugi jumlah tertentu	**118,482**	0
Elaun dari hutang ragu diperolehi semula	**164,777**	2,160,650
Pampasan yang berkaitan dengan projek trek berkembar	**0**	3,717,449

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

10 GANJARAN PARA PENGARAH

	2010 RM	2009 RM
Ganjaran:		
- Pengarah eksekutif	**498,125**	496,200
- Pengarah bukan eksekutif	**173,872**	180,885
	671,997	677,085

Ganjaran pengarah eksekutif adalah termasuk dalam kos kakitangan manakala ganjaran para pengarah bukan eksekutif adalah termasuk di bawah lain-lain perbelanjaan operasi seperti dinyatakan dalam penyata pendapatan komprehensif Syarikat.

11 PENDAPATAN DAN KOS PEMBIAYAAN

	2010 RM	2009 RM
Perbelanjaan faedah		
- Peminjaman bank	**(44,386,393)**	(28,512,408)
	(44,386,393)	(28,512,408)
Tolak: Dipermodalkan pada aset yang dibenarkan (Nota 15)	**11,890,087**	14,537,913
Jumlah kos pembiayaan	**(32,496,306)**	(13,974,495)
Pendapatan pembiayaan		
- Pendapatan faedah pada deposit jangka pendek	**1,968,183**	1,872,240
Kos pembiayaan bersih	**30,528,123**	12,102,255

12 CUKAI

	2010 RM	2009 RM
Cukai semasa:		
- Cukai pendapatan Malaysia	**0**	0
- Kurang akruan bagi tahun kewangan yang lalu	**0**	(1,227,697)
Cukai tertunda:		
- Punca asal perbezaan sementara	**(3,214,796)**	2,872,852
- Elaun pelaburan	**25,145,449**	67,089,362
- (Kurang)/ Lebihan akruan bagi tahun kewangan yang lalu	**(4,467,000)**	1,645,923
	17,463,653	70,380,440

12 CUKAI (SAMBUNGAN)

Penyelarasan antara perbelanjaan cukai dan keuntungan produk perakaunan didarabkan dengan kadar cukai pendapatan berkanun Malaysia adalah seperti berikut:

	2010	2009
	RM	RM
Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai	**11,114,962**	6,356,140
Cukai pada kadar cukai berkanun Malaysia 25% (2009: 25%)	**(2,778,741)**	(1,589,035)
Kesan cukai ke atas:		
- Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	**119,765**	1,764,126
- Perbelanjaan yang tidak dibenarkan bagi tujuan percukaian	**(555,820)**	(936,717)
- Perbelanjaan faedah yang tiada dalam penyata pendapatan	**0**	3,634,478
- Elaun pelaburan	**25,145,449**	67,089,362
	21,930,653	69,962,214
- (Kurang)/ Lebihan akruan bagi tahun kewangan yang lalu:		
- cukai pendapatan	**0**	(1,227,697)
- cukai tertunda	**(4,467,000)**	1,645,923
Kredit cukai bagi tahun kewangan	**17,463,653**	70,380,440

Syarikat telah diberikan insentif Elaun Pelaburan di bawah Projek Perkhidmatan yang Diluluskan oleh Menteri Kewangan pada 8 Januari 2009. Elaun pelaburan adalah berdasarkan 60% daripada perbelanjaan modal Syarikat yang dibenarkan bagi menjalankan Projek Pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang bagi tempoh 5 tahun dari 2008 hingga 2012.

Sepanjang tahun kewangan semasa, elaun pelaburan yang diiktiraf bagi perbelanjaan modal yang dibenarkan adalah RM100,582,000 (2009: RM268,357,000). Berkuatkuasa dari 2010, elaun pelaburan atas perbelanjaan modal yang dibenarkan akan diiktiraf pada masa aset modal yang berkenaan diletakkan untuk kegunaan atau mampu digunakan.

13 DIVIDEN

	2010	2009
	RM	RM
Dividen akhir yang dicadangkan	**5,508,750**	5,508,750

Dividen akhir yang dicadangkan iaitu 10 sen sesaham untuk 73,450,002 saham biasa, ditolak cukai pendapatan pada kadar 25%, berjumlah RM5,508,750 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang dijalankan pada 29 Jun 2010 dan dibayar pada 5 Julai 2010.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen akhir iaitu 10 sen sesaham untuk 73,450,002 saham biasa, ditolak cukai pendapatan pada kadar 25%, berjumlah RM5,508,750 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 akan dicadangkan untuk kelulusan pemegang saham. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak menunjukkan dividen yang dicadangkan tetapi akan diambilkira dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengasingan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

14 PERBELANJAAN DIBAWA KE HADAPAN

	2010	2009
	RM	RM
Perbelanjaan pengorekan:		
Pada 1 Januari	**1,976,923**	9,908,405
Tambahan	**28,193,888**	1,278,661
Dilunaskan sepanjang tahun kewangan	**(10,478,548)**	(9,210,143)
Pada 31 Disember	**19,692,263**	1,976,923

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

15 HARTANAH, MESIN DAN PERALATAN

2010	Bangunan, binaan dan jalanraya RM	Vesel RM	Loji, mesin dan peralatan mekanikal RM	Kelengkapan pejabat RM	Kerja dalam perlaksanaan RM	Jumlah RM
Kos						
Pada 1 Januari	**511,409,435**	**37,806,890**	**387,146,887**	**50,812,491**	**734,230,932**	**1,721,406,635**
Tambahan	**0**	**40,650**	**471,238**	**205,530**	**307,661,685**	**308,379,103**
Pelupusan	**(13,750)**	**(903,103)**	**(3,971,948)**	**(11,562,923)**	**0**	**(16,451,724)**
Dihapuskira	**(27,620)**	**0**	**(79,504)**	**(176,659)**	**0**	**(283,783)**
Pengelasan	**180,305,294**	**1,998,896**	**192,464,528**	**3,524,430**	**(378,293,148)**	**0**
Pada 31 Disember	**691,673,359**	**38,943,333**	**576,031,201**	**42,802,869**	**663,599,469**	**2,013,050,231**
Susutnilai						
Pada 1 Januari	**103,389,407**	**16,380,259**	**227,073,984**	**35,348,228**	**0**	**382,191,878**
Dicajkan dalam tahun kewangan	**11,270,257**	**1,736,556**	**16,990,342**	**6,595,590**	**0**	**36,592,745**
Pelupusan	**(3,284)**	**(898,172)**	**(3,943,350)**	**(11,560,844)**	**0**	**(16,405,650)**
Dihapuskira	**(8,832)**	**0**	**(79,504)**	**(167,898)**	**0**	**(256,234)**
Pada 31 Disember	**114,647,548**	**17,218,643**	**240,041,472**	**30,215,076**	**0**	**402,122,739**
Nilai buku bersih						
31 Disember	**577,025,811**	**21,724,690**	**335,989,729**	**12,587,793**	**663,599,469**	**1,610,927,492**

2009	Bangunan, binaan dan jalanraya RM	Vesel RM	Loji, mesin dan peralatan mekanikal RM	Kelengkapan pejabat RM	Kerja dalam perlaksanaan RM	Jumlah RM
Kos						
Pada 1 Januari	495,513,232	35,361,546	381,786,615	42,924,777	237,757,566	1,193,343,736
Tambahan	0	79,978	1,575,962	137,573	528,147,196	529,940,709
Pelupusan	0	0	(3,746)	(35,741)	0	(39,487)
Dihapuskira	(1,785,681)	0	0	(52,642)	0	(1,838,323)
Pengelasan	17,681,884	2,365,366	3,788,056	7,838,524	(31,673,830)	0
Pada 31 Disember	511,409,435	37,806,890	387,146,887	50,812,491	734,230,932	1,721,406,635
Susutnilai						
Pada 1 Januari	93,586,615	14,692,083	204,186,341	29,452,752	0	341,917,791
Dicajkan dalam tahun kewangan	10,326,150	1,688,176	22,891,389	5,972,167	0	40,877,882
Pelupusan	0	0	(3,746)	(26,835)	0	(30,581)
Dihapuskira	(523,358)	0	0	(49,856)	0	(573,214)
Pada 31 Disember	103,389,407	16,380,259	227,073,984	35,348,228	0	382,191,878
Nilai buku bersih						
31 Disember	408,020,028	21,426,631	160,072,903	15,464,263	734,230,932	1,339,214,757

15 HARTANAH, MESIN DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Syarikat telah memperolehi hartanah, mesin dan peralatan dengan jumlah kos sebanyak RM308,379,103 (2009: RM529,940,709) di mana pembayaran tunai berjumlah RM345,750,709 (2009: RM416,084,446) telah dibuat. Baki bayaran yang belum dijelaskan pada tahun kewangan berakhir semasa adalah berjumlah RM20,974,035 (2009: RM58,345,641) telah termasuk dalam akruan dan lain-lain belum bayar.

Pada akhir tahun, kemilikan strata pangsapuri dengan nilai buku bersih berjumlah RM278,473 (2009: RM285,508), yang termasuk dalam bangunan, binaan dan jalanraya Syarikat, masih belum dikeluarkan.

Permodalan kos peminjaman sepanjang tahun kewangan semasa berjumlah RM11,890,087 (2009: RM14,537,913) dan yang termasuk dalam hartanah, mesin dan peralatan pada 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

	2010	2009
	RM	RM
Kerja dalam perlaksanaan	**11,890,087**	14,537,913

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Syarikat telah menyemak semula anggaran hayat berguna kren yang termasuk dalam hartanah, mesin dan peralatan bagi menunjukkan baki hayat berguna kren yang lebih baik. Dengan ini, jangkaan hayat berguna kren yang termasuk dalam hartanah, mesin dan peralatan telah disemak semula dari 15 tahun kepada 20 tahun. Kesan penyemakan semula dalam anggaran hayat berguna telah meningkatkan keuntungan pada tahun kewangan semasa sebanyak RM7,966,969.

16 PINJAMAN KAKITANGAN

	2010	2009
	RM	RM
Pinjaman tanpa cagaran	**2,201,304**	2,511,761
Penerimaan dalam tempoh 12 bulan kemudian (termasuk dalam lain-lain belum terima)	**(708,462)**	(922,430)
	11,492,842	1,589,331

Pinjaman-pinjaman ini adalah pinjaman kepada kakitangan bagi pembelian kenderaan dan komputer dan tempoh bayaran balik adalah antara 1 hingga 9 tahun. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman kenderaan adalah sebanyak 4% (2009: 4%) setahun manakala pinjaman komputer adalah bebas faedah.

Nilai saksama pinjaman kakitangan adalah seperti berikut:

	2010		2009	
	Nilai bawaan	**Nilai saksama**	Nilai bawaan	Nilai saksama
	RM	**RM**	RM	RM
Pinjaman kakitangan	**1,492,842**	**1,167,000**	1,589,331	1,368,000

Nilai saksama pinjaman kakitangan adalah berdasarkan kepada aliran tunai terdiskaun menggunakan kadar faedah efektif antara 6.45% hingga 16.37% (2009: 3.5% hingga 12%).

17 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi aset cukai tertunda terhadap liabiliti cukai tertunda dan apabila cukai tertunda berhubungkait dengan pihak percukaian yang sama. Jumlah berikut, ditentukan setelah pengimbangan yang sepatutnya, ditunjukkan dalam lembaran Imbangan:

	2010	2009
	RM	RM
Cukai asset tertunda	**76,920,483**	59,456,830

Pergerakan dalam cukai tertunda sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2010	2009
	RM	RM
Pada 1 Januari	**59,456,830**	(12,151,307)
Kredit ke penyata pendapatan:		
Manfaat persaraan	**968,000**	1,459,000
Akruan pembayaran pajakan minimum	**(18,830)**	(18,863)
Akruan	**1,647,483**	164,000
Elaun rebat	**(8,000)**	109,000
Hartanah, mesin dan peralatan	**(5,851,000)**	323,000
Perbelanjaan dibawa ke hadapan	**(4,428,000)**	1,982,000
Elaun pelaburan	**25,154,000**	67,590,000
	17,463,653	71,608,137
Pada 31 Disember	**76,920,483**	59,456,830

	2010	2009
	RM	RM
Aset cukai tertunda (sebelum diimbangi)		
Manfaat persaraan	**19,205,000**	18,237,000
Akruan pembayaran pajakan minimum	**6,252,000**	6,270,830
Akruan	**3,131,483**	1,484,000
Elaun rebat	**577,000**	585,000
Elaun pelaburan	**110,374,000**	85,220,000
	139,539,483	111,796,830
Imbangan	**(62,619,000)**	(52,340,000)
Aset cukai tertunda (selepas diimbangi)	**76,920,483**	59,456,830
Liabiliti cukai tertunda (sebelum diimbangi)		
Hartanah, mesin dan peralatan	**(57,696,000)**	(51,845,000)
Perbelanjaan dibawa ke hadapan	**(4,923,000)**	(495,000)
	(62,619,000)	(52,340,000)
Imbangan	**62,619,000**	52,340,000
Liabiliti cukai tertunda (selepas diimbangi)	**0**	0

17 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Tertakluk kepada persetujuan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai elaun pelaburan dan elaun modal yang belum digunakan seperti berikut:

	2010	2009
	RM	RM
Elaun pelaburan	**441,495,000**	340,880,000
Elaun modal yang belum digunakan	**143,370,000**	28,708,000
	584,865,000	369,588,000

18 INVENTORI

	2010	2009
	RM	RM
Pada kos:		
Alat ganti	**9,704,614**	9,840,308
Minyak	**1,253,580**	1,018,235
Lain-lain alatan	**170,027**	139,601
	11,128,221	10,998,144

Kos inventori diiktiraf sebagai perbelanjaan dan termasuk dalam kegunaan barangan keperluan dan utiliti dan minyak seperti dinyatakan dalam penyata pendapatan komprehensif yang berjumlah RM33,177,440 (2009: RM29,083,163).

19 PENGHUTANG DAGANGAN

	2010	2009
	RM	RM
Penghutang dagangan	**52,937,263**	51,041,934
Elaun rebat	**(3,686,370)**	(2,355,391)
	49,250,893	48,686,543
Elaun bagi rosotnilai	**(11,367,621)**	(11,332,071)
	37,883,272	37,354,472

Tempoh kredit bagi penghutang dagangan adalah antara 30 hingga 60 (2009: 30 hingga 60) hari.

Penghutang dagangan adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

19 PENGHUTANG DAGANGAN (SAMBUNGAN)

Tidak lampau tempoh atau terosot

Penghutang dagangan yang tidak lampau tempoh atau terosot adalah berjumlah RM29,463,182 pada 31 Disember 2010, adalah penghutang kredit berbaloi yang mempunyai rekod bayaran yang baik dengan Syarikat.

Lampau tempoh tetapi tidak rosot

Pada 31 Disember 2010, penghutang dagangan berjumlah RM12,106,460 telah lampau tempoh tetapi tidak rosot. Ini berkaitan dengan sebilangan pihak luar di mana tiada jangkaan kegagalan bayaran. Analisa pengusiaan penghutang adalah seperti berikut:

	2010 RM
Kurang dari 30 hari lampau tempoh	**1,870,841**
Antara 30 hingga 60 hari lampau tempoh	**264,151**
Antara 60 hingga 90 hari lampau tempoh	**756,720**
Antara 91 hari dan 1 tahun lampau tempoh	**2,817,220**
Lebih dari 1 tahun lampau tempoh	**6,397,528**
	12,106,460

Terosot dan rosotnilai yang dibenarkan

Pada 31 Disember 2010, penghutang dagangan berjumlah RM11,367,621 terosot dan rosotnilai yang dibenarkan. Lain-lain belum terima yang terosot secara individu kebanyakannya berkaitan dengan caj lewat bayar dan invois yang tidak disetujui oleh pelanggan.

Pergerakan dalam elaun bagi rosotnilai penghutang dagangan Syarikat adalah seperti berikut:

	2010 RM
Pada 1 Januari (dinyatakan semula) (Nota 34)	**11,043,469**
Kerugian rosotnilai diiktiraf	**488,819**
Amaun diperolehi semula	**(164,667)**
Pada 31 Disember	**11,367,621**

Nilai saksama jaminan bank dipegang sebagai cagaran pada 31 Disember 2010 adalah RM20,783,000.

20 DEPOSIT, PRABAYAR DAN LAIN-LAIN BELUM TERIMA

	2010 RM	2009 RM
Deposit dan prabayar	**1,258,096**	1,791,602
Lain-lain belum terima	**6,333,008**	8,325,391
Elaun bagi rosotnilai	**(3,082,489)**	(3,302,183)
	3,250,519	5,023,208
Keahlian kelab boleh pindah milik	**70,000**	70,000
	4,578,615	6,884,810

Lain-lain belum terima kebanyakannya terdiri daripada belum terima daripada penghutang bukan-dagangan dan pendahuluan kakitangan.

Tidak lampau tempoh atau terosot

Lain-lain belum terima yang tidak lampau tempoh atau terosot adalah berjumlah RM3,250,519 pada 31 Disember 2010, kebanyakannya terdiri daripada pampasan belum terima berkaitan dengan projek trek berkembar, pendahuluan kakitangan dan faedah belum terima.

Terosot dan rosotnilai yang dibenarkan

Pada 31 Disember 2010, lain-lain belum terima berjumlah RM3,082,489 terosot dan rosotnilai yang dibenarkan. Lain-lain belum terima yang terosot secara individu kebanyakannya berkaitan dengan lain-lain penghutang.

Pergerakan dalam elaun bagi rosotnilai lain-lain belum terima Syarikat adalah seperti berikut:

	2010 RM
Pada 1 Januari (dinyatakan semula) (Nota 34)	**3,070,626**
Kerugian rosotnilai diiktiraf	**11,973**
Amaun diperolehi semula	**(110)**
Pada 31 Disember	**3,082,489**

21 PELABURAN

	2010		2009	
	Kos RM	**Nilai pasaran RM**	Kos RM	Nilai pasaran RM
Bukan semasa:				
Tidak disenaraikan:				
Saham dalam syarikat	**50,000**	**0**	50,000	0
Elaun bagi rosotnilai dalam nilai pelaburan	**(50,000)**	**0**	(50,000)	0
	0	**0**	0	0

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

22 SIMPANAN TETAP, BAKI BANK DAN TUNAI

	2010	2009
	RM	RM
Simpanan tetap dengan:		
Bank berlesen	**65,185,615**	66,714,109
Baki bank dan tunai	**15,523,470**	10,173,546
	80,709,085	76,887,655
Cash and bank balances	**3,166,872**	7,099,763
	83,875,957	83,987,418

Simpanan tetap, baki bank dan tunai adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Kadar faedah efektif tahunan bagi simpanan tetap dengan bank berlesen dan syarikat kewangan pada tarikh lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	2010	2009
	%	%
Simpanan tetap dengan:		
Bank berlesen	**2.35 – 2.81**	1.80 – 2.30
Syarikat kewangan	**2.75 – 3.00**	1.90 – 2.38

Simpanan tetap Syarikat mempunyai tarikh matang dari 1 hari hingga 90 hari (2009: 1 hari hingga 90 hari).

Baki bank merupakan deposit panggilan di bank.

23 MANFAAT PERSARAAN

	2010	2009
	RM	RM
Pelan manfaat yang didefinisikan:		
- Semasa	**4,005,087**	5,004,732
- Bukan semasa	**72,815,910**	67,941,863
Pada 31 Disember	**76,820,997**	72,946,595

Pergerakan sepanjang tahun kewangan yang dinyatakan dalam lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	2010	2009
	RM	RM
Pada 1 Januari	**72,946,595**	67,111,167
Manfaat persaraan yang dicaj	**10,369,813**	8,896,229
Manfaat yang dibayar	**(6,495,411)**	(3,060,801)
Pada 31 Disember	**76,820,997**	72,946,595

23 MANFAAT PERSARAAN (SAMBUNGAN)

Amaun yang diiktiraf dalam lembaran imbangan boleh dianalisakan seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Nilai semasa tanggungan yang tidak didana	**76,820,997**	72,946,595

Perbelanjaan yang diiktiraf dalam untung atau rugi boleh dianalisakan seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Kos khidmat semasa	**5,474,979**	5,048,707
Kos faedah	**4,912,540**	4,311,355
Kos perkhidmatan lepas	**(17,706)**	(463,833)
Jumlah termasuk dalam kos kakitangan (Nota 8)	**10,369,813**	8,896,229

Andaian utama aktuarial bagi pelan manfaat yang didefinisikan adalah seperti berikut:

	2010 %	2009 %
Kadar diskaun	**7.0**	7.0
Kadar jangkaan kenaikan gaji	**5.0**	5.0

24 PEMINJAMAN

	2010 RM	2009 RM
Tanpa cagaran		
Semasa:		
Pinjaman berjangka - kadar tetap	**14,366,667**	19,133,333
Pinjaman berjangka - kadar terapung	**27,642,857**	12,142,857
Kredit berubah	**195,000,000**	175,000,000
	237,009,524	206,276,190
Bukan semasa:		
Pinjaman berjangka - kadar tetap	**300,000,000**	314,366,667
Pinjaman berjangka - kadar terapung	**686,966,316**	395,714,285
	986,966,316	710,080,952
	1,223,975,840	916,357,142

Peminjaman adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

24 PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

Kadar faedah efektif bagi peminjaman pada tarikh lembaran imbangan adalah seperti berikut:

	2010	2009
	%	%
Pinjaman berjangka	**3.83 – 5.95**	2.90 – 5.95
Kredit berubah	**3.59 – 3.85**	2.73 – 4.35

Tempoh matang dan pendedahan terhadap risiko kadar faedah bagi peminjaman adalah seperi berikut:

	Tidak kurang dari 1 tahun RM	**Lebih dari 1 tahun dan tidak kurang dari 2 tahun RM**	**Lebih dari 2 tahun dan tidak kurang dari 5 tahun RM**	**Lebih dari 5 tahun RM**	**Jumlah RM**
Pada 31 Disember 2010					
- tetap	**14,366,667**	**20,000,000**	**180,000,000**	**100,000,000**	**314,366,667**
- terapung	**222,642,857**	**29,142,857**	**172,607,143**	**485,216,316**	**909,609,173**
	237,009,524	**49,142,857**	**352,607,143**	**585,216,316**	**1,223,975,840**
Pada 31 Disember 2009					
- tetap	19,133,333	14,366,667	120,000,000	180,000,000	333,500,000
- terapung	187,142,857	27,142,857	111,428,571	257,142,857	582,857,142
	206,276,190	41,509,524	231,428,571	437,142,857	916,357,142

Nilai bawaan dan saksama bagi peminjaman berjangka kadar tetap bukan semasa adalah seperti berikut:

	2010		2009	
	Nilai bawaan RM	**Nilai saksama RM**	Nilai bawaan RM	Nilai saksama RM
Peminjaman berjangka - kadar tetap	**300,000,000**	**298,569,691**	314,366,667	300,131,503
	300,000,000	**298,569,691**	314,366,667	300,131,503

Nilai saksama bagi peminjaman berjangka kadar tetap bukan semasa adalah berdasarkan kepada aliran tunai terdiskaun menggunakan kadar faedah efektif, dari 4.97% hingga 5.95%.

Nilai saksama bagi peminjaman berjangka kadar terapung bukan semasa bersamaan dengan nilai bawaan, di mana kesan dari pendiskaunan adalah tidak signifikan.

Nilai bawaan peminjaman berjangka semasa adalah lebih kurang sama dengan nilai saksama.

Pada akhir tahun kewangan semasa, Syarikat mempunyai kemudahan peminjaman berjangka yang belum dikeluarkan berjumlah RM246,100,000 (2009: RM460,000,000).

25 AKRUAN PEMBAYARAN PAJAKAN MINIMUM

	2010 RM	2009 RM
Akruan pembayaran pajakan minimum		
- Semasa	**75,454**	75,454
- Bukan semasa	**24,932,411**	25,007,863
Pada 31 Disember	**25,007,865**	25,083,317

Pergerakan dalam akruan pembayaran pajakan minimum sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2010 RM	2009 RM
Pada 1 Januari	**25,083,317**	25,158,771
Bayaran pajakan yang dicaj	**7,171,841**	7,171,841
Sewaan pajakan operasi yang dibayar	**(7,247,295)**	(7,247,295)
Pada 31 Disember	**25,007,863**	25,083,317

Akruan pembayaran pajakan minimum menunjukkan perbezaan antara pembayaran pajakan minimum yang diiktiraf mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajakan dengan pembayaran sebenar sewaan pajakan. Pajakan adalah ke atas pangkalan feri, limbungan dan dermaga yang dipajak daripada SPPP (Nota 30(c)).

26 PEMIUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN BELUM BAYAR

	2010 RM	2009 RM
Pemiutang dagangan	**4,106,457**	1,629,188
Lain-lain belum bayar	**10,829,304**	33,462,102
Akruan	**38,722,691**	47,688,647
	53,658,452	82,779,937

Pemiutang dagangan dan lain-lain belum bayar adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Tempoh kredit bagi pemiutang dagangan dan lain-lain belum bayar adalah 30 hari (2009: 30 hari).

27 MODAL SAHAM

	2010		2009	
	Bilangan saham	**Nilai nominal RM**	Bilangan saham	Nilai nominal RM
Dibenarkan:				
Saham istimewa bernilai RM1 sesaham	**1**	**1**	1	1
Saham biasa bernilai RM1 sesaham	**200,000,000**	**200,000,000**	200,000,000	200,000,000
	200,000,001	**200,000,001**	200,000,001	200,000,001
Dikeluarkan dan dibayar penuh:				
Saham istimewa bernilai RM1 sesaham	**1**	**1**	1	1
Saham biasa bernilai RM1 sesaham	**73,450,002**	**73,450,002**	73,450,002	73,450,002
	73,450,003	**73,450,003**	73,450,003	73,450,003

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

27 MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

Saham istimewa ("Saham Keutamaan Bolehtebus Berhak Istimewa") membolehkan Kerajaan melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) menjamin beberapa keputusan penting berkaitan dengan operasi Syarikat adalah selaras dengan dasar Kerajaan. Pemegang Saham Istimewa ini, di mana ia boleh jadi Kerajaan atau wakil bagi pihak, berhak menerima notis-notis mesyuarat tetapi tidak mendapat sebarang hak untuk mengundi dalam mesyuarat-mesyuarat Syarikat. Walau bagaimanapun, Pemegang Saham Istimewa ini berhak untuk menghadiri dan bersuara dalam mesyuarat tersebut.

Perkara-perkara tertentu, khususnya dalam penggubahan Artikel yang berkaitan dengan hak-hak Pemegang Saham Istimewa, pembubaran Syarikat, dan pembelian dan pelupusan sebahagian besar aset, penyatuan, penggabungan dan pengambilalihan, memerlukan persetujuan Pemegang Saham Istimewa terlebih dahulu.

Pemegang Saham Istimewa berhak mengarah Syarikat menebus Saham Istimewa tersebut atas harga par pada bila-bila masa. Pemegang Saham Istimewa berhak dibayar balik modal yang telah dibayar terdahulu daripada ahli-ahli lain semasa pembubaran Syarikat. Saham Istimewa tidak mendapat sebarang hak untuk menyertai dalam agihan modal atau keuntungan Syarikat.

28 KEUNTUNGAN TERKUMPUL

Di bawah sistem tunggal cukai yang berkuatkuasa pada tahun taksiran 2008, syarikat-syarikat tidak dikehendaki mempunyai kredit di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tujuan pembayaran dividen. Pemegang saham yang dibayar dividen di bawah sistem ini adalah dikecualikan dari pembayaran cukai.

Syarikat-syarikat dengan kredit Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 boleh meneruskan pembayaran dividen sehingga kredit Seksyen 108 telah habis digunapakai atau pada 31 Disember 2013, yang mana dahulu, melainkan mereka memilih untuk mengabaikan kredit Seksyen 108 ini di bawah peruntukan peralihan khas Akta Kewangan 2007.

Syarikat tidak mengambil pilihan tersebut. Pada 31 Disember 2010, menurut persetujuan dengan badan percukaian, Syarikat mempunyai kredit cukai Seksyen 108 berjumlah RM19,165,000 (2009: RM21,001,000) dan pendapatan dikecualikan cukai berjumlah RM2,885,000 (2009: RM2,885,000) yang mencukupi untuk membayar dividen yang dikecualikan cukai sebanyak RM60,380,000 (2009: RM65,888,000) dari keuntungan terkumpul Syarikat.

29 PENDAPATAN TERTUNDA

	2010	2009
	RM	RM
Geran kerajaan diterima:		
Pada 1 Januari	**456,705**	1,552,801
Diiktiraf sepanjang tahun kewangan	**(456,705)**	(1,096,096)
Pada 31 Disember	**0**	456,705

Nota-Nota kepada Penyata Kewangan (sambungan)

30 KOMITMEN

(a) Komitmen modal

Perbelanjaan modal yang tidak diperuntukkan dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

	2010	2009
	RM	RM
Dikontrakkan tetapi belum diperuntukkan	**138,423,565**	291,748,758
Diluluskan oleh para Pengarah tetapi tidak dikontrakkan	**484,014,683**	499,119,826
	622,438,248	790,868,584

(b) Pajakan operasi ke atas peralatan pelabuhan

	2010	2009
	RM	RM
Tidak kurang dari satu tahun	**7,401,824**	8,341,464
Lebih dari satu tahun dan tidak kurang dari lima tahun	**3,525,032**	9,766,088
	10,926,856	18,107,552

(c) Pajakan operasi ke atas pangkalan feri, limbungan dan dermaga

	2010	2009
	RM	RM
Tidak kurang dari satu tahun	**7,247,295**	7,247,295
Lebih dari satu tahun dan tidak kurang dari lima tahun	**32,685,302**	31,163,369
Lebih dari 5 tahun	**78,309,207**	87,078,434
	118,241,804	125,489,098

Syarikat memajak pangkalan feri, limbungan dan dermaga dari Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ("SPPP") bagi tempoh 30 tahun bermula dari 1 Januari 1994. SPPP telah menyatakan secara prinsip bahawa pajakan ini akan diperbaharui selama 30 tahun lagi, tertakluk kepada beberapa syarat. Sewaan pajakan bagi 3 tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2011 adalah sebanyak RM7,247,295 setahun, tertakluk kepada kenaikan sebanyak 10% pada setiap 3 tahun dan tambahan kepada sewaan pajakan sebanyak lima sen untuk setiap tan kargo melebihi dua puluh juta tan yang dikendalikan melalui kawasan pelabuhan yang dipajak.

31 LIABILITI LUAR JANGKA - TANPA CAGARAN

Tuntutan-tuntutan am yang difailkan terhadap Syarikat dianggarkan berjumlah RM1,300,000 dan tidak diperuntukkan dalam penyata kewangan. Jumlah ini dibuat oleh pihak ketiga berkenaan dengan modal projek yang berjumlah RM1,282,000 dan tuntutan-tuntutan am dari kakitangan terdahulu dan lain-lain berjumlah RM18,000.

